

Wilayah Ku


MEDIA WARGA KOTA

● BIL 197 ● 6 - 12 JANUARI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)  [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)  [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)  [Wilayahku](https://t.me/Wilayahku)  [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)

Kembalikan keyakinan pelabur asing



KESTABILAN politik dan tadbir urus yang cekap serta berintegriti merupakan resipi kepada pengukuhan kerajaan perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagi beliau, fokus baharu yang telah digariskan itu dapat memperkuatkan keyakinan pelabur asing untuk kembali melabur di negara ini sekali gus mencatat kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Anwar juga mengulangi ikrar dan tidak akan bertolak ansur dengan rasuah dan menyeru supaya ‘amalan lama’ itu ditinggalkan bagi merealisasikan harapan rakyat yang mahukan Malaysia kembali gemilang di persada antarabangsa.

LAGI BERITA DI MUKA 2



Nafas baharu Bas Nadiputra >> 9, 10 & 11



Penjaja, peniaga kecil sambut baik inisiatif Perdana Menteri
>> 4



Keindahan
Sunrise Beach
jadi tarikan
pengunjung
ke Labuan
>> 15



“Tak marah, cuma kecewa”
– Nabilah Razali
>> 18

PM seru tadbir urus baik, henti amalan rasuah dan sogokan

Pelabur pantau perkembangan negara

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN Perpaduan sedang berusaha memperkuuh serta meningkatkan keyakinan pelabur asing dengan menjamin tadbir urus serta tata kelola yang baik dalam setiap urusan kerajaan serta menjamin bebas rasuah.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata ini kerana kerajaan telah menerima senarai pelabur dari negara seperti Eropah, Amerika Syarikat, China, India dan beberapa negara di seluruh Asia yang sedang memantau perkembangan di Malaysia sendiri terutama dari aspek ekonomi.

"Kami berharap ada fokus baharu yang boleh meningkatkan dan memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih meyakinkan. Ini perlu kerana Malaysia adalah negara perdagangan yang

mencatat kadar pertumbuhan ekonomi berdasarkan usaha kita untuk mendapatkan pelaburan domestik dan asing.

"Selain kestabilan politik dan tadbir urus yang baik, langkah lain yang perlu diambil ialah mempercepatkan proses kelulusan dengan memastikan Malaysia bukan tempat pemimpin mengumpul kekayaan dan mencari komisen," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Tahun Baharu 2023 pada Program Munajat Ambang Tahun Baharu 2023 di Masjid Putra pada Sabtu lalu.

Tegas Perdana Menteri, beliau tidak akan bertolak ansur dengan penjawat awam dan badan penguasa yang didapati 'cuai' dalam tugas mereka dengan 'amalan lama' meminta sogokan dan mengenakan kos tambahan.

"Saya tidak akan bertolak ansur dengan kecuaian yang memus-



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan Pegawai Kanan Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi dalam lawatannya baru-baru ini.

nahkan negara selama ini. Saya mohon kerjasama anda kerana saya tahu ramai penjawat awam

dan golongan kecil (perasuah) memahami perkara ini dan golongan ini mesti dihapuskan.

"Semoga ada keinsafan, jika tidak, tindakan tegas dan keras mesti diambil," katanya.

Anwar berkata beliau juga tidak mahu kelemahan politik ini berterusan dan jawatan dilihat sebagai peluang untuk mengumpul kekayaan.

"Saya ingin menyentuh mengenai serangan yang seolah-olah membayangkan kita dalam kerajaan terlibat dengan perkara sebegitu. Saya ingin menyatakan bahawa prinsip kami jelas di sini dan badan penguasaan telah diberi kuasa penuh untuk memantau," katanya.

Pada masa sama, beliau turut mengingatkan agensi kerajaan supaya mengamalkan budaya kesederhanaan dan mengelakkan pembaziran, selain memastikan semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dipantau, termasuk perbelanjaan. **WK**

JAWI sambut baik saranan PM Anwar imarahkan masjid dengan program ilmu

JABATAN Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu mengimarahkan masjid seluruh negara bagi menangani isu perkauman sempit dan fahaman agama yang menghukum tanpa berlandaskan fakta.

Pengaruhnya, **Datuk Mohd Ajib Ismail** berkata perkara tersebut adalah selaras dengan perancangan yang telah diaturkan melalui Pelan Pengimarahuan Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024.

"Sebanyak 89 buah masjid, 133 surau Jumaat dan 617 surau di bawah seliaan JAWI menjadi platform penyebaran ilmu dan dakwah yang berkesan melalui khidmat yang dilaksanakan oleh 331 Imam Ratib, 225 Pembantu Bilal, 187 Noja dan 135 Guru Takmir Wilayah Persekutuan," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Mohd Ajib, bagi tahun 2023, program kuliah dan ceramah agama akan dipergiatkan melalui pengajian takmir termasuk kepada golongan mualaf berpandukan modul yang telah ditetapkan serta tenaga pengajar pakar dan bertauliah.

"Penganjuran program yang berbentuk karnival dilihat dapat menarik minat anak muda untuk ke masjid. Selain itu program masjid terbuka untuk pelancong asing dan golongan bukan Islam turut dilaksanakan.

"JAWI juga menggalakkan pihak masjid untuk mengadakan program bantuan serta kebajikan yang dapat meringankan beban rakyat seperti Gerobok Masjid, JAWI Food Bank dan pelbagai lagi agar masyarakat menjadikan institusi masjid sebagai pusat utama dalam kehidupan mereka," katanya.



PENGIMARAHAN masjid dan surau dengan aktiviti ilmu, latihan dan bimbingan dapat membentuk generasi muda sekali gus dapat menangani isu perkauman atau prejidis agama.

aspek tata kelola dan beberapa inisiatif berimpak tinggi demi memastikan masjid benar-benar berperanan sebagai pusat penyatu dan islah dalam masyarakat.

Terdahulu, Anwar berkata kerajaan perpaduan di bawah pimpinannya akan mempergiatkan aktiviti kemasyarakatan agama, pengajian dan latihan di masjid seluruh negara dengan menyasarkan penyertaan golongan muda bagi menangani isu perkauman atau prejidis agama yang sering menghukum tanpa berdasarkan fakta.

"Saya tidak perlu memohon maaf kerana berbicara satu mesej untuk negara dari

masjid.

"Mesej ini adalah kepada orang Islam dan bukan Islam. Kita mahu ada peningkatan dalam fahaman agama di kalangan Islam dan bukan Islam.

"Jika tidak, babit Islamofobia yang tertanam di zaman penjajah itu mungkin mempengaruhi dan mengelirukan kita, kita harus bezaan dengan usaha untuk meremehkan agama dan satu pihak menjadikan agama itu sebagai faktor kasih sayang ke arah kebaikan," katanya dalam perutusan Tahun Baharu 2023 pada Program Munajat Ambang Tahun Baharu 2023 di Masjid Putra, Putrajaya Sabtu lalu. **WK**

Mesyuarat bulanan dengan MP KL, DBKL dalam waktu terdekat

DEMI memastikan suara rakyat lebih dekat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), mesyuarat dengan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dilaksanakan setiap bulan dan akan bermula dalam tempoh terdekat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata mesyuarat itu bertindak sebagai platform untuk mendengar permasalahan yang berlaku di ibu kota, selain mengadakan perbincangan antara pengurusan tertinggi DBKL dengan wakil rakyat.

"Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur akan bermesyuarat bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur dan disusuli dengan mesyuarat teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif DBKL sekurang-kurangnya dua kali sebulan," katanya kepada *Wilayahku* selepas Sidang Media Belanjawan DBKL 2023 pada Rabu.

Mahadi berkata pihaknya sedang membuat ketetapan tarikh yang sesuai dan menjangka-maka mesyuarat kali pertama akan dilaksanakan dalam minggu kedua atau ketiga Januari.

Terdahulu perkara itu dibangkitkan oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dalam pertemuannya bersama Mahadi di pejabatnya baru-baru ini.

Menurut Kor Ming, wakil rakyat adalah jambatan penghubung antara agensi kerajaan dan rakyat marhaen.

"Amatlah penting Datuk Bandar dan pihak pengurusan tertinggi DBKL mendengar dan berbincang dengan wakil rakyat untuk mencari jalan mengatasi masalah yang timbul demi kesejahteraan warga Kuala Lumpur," katanya. **WK**

Komitmen pemerkasaan Kuala Lumpur sebagai bandar raya mampan dan inklusif

RM2.6 billion belanjawan DBKL 2023

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengumumkan belanjawan tahun 2023 berjumlah RM2.604 bilion yang mencatat penurunan 3.7 peratus daripada jumlah tahun lepas.

Daripada jumlah tersebut, kira-kira RM1.96 bilion atau (75 peratus) adalah bajet mengurus manakala baki RM643.7 juta adalah untuk peruntukan pembangunan.

Mengumumkan bajet itu pada Rabu (4 Januari), **Datuk Bandar Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata bahagian pengurusan bajet itu terdiri daripada lima kawasan.

"Ini adalah perkhidmatan dan pembekalan (RM1.277 bilion), bayaran lebih masa (RM64.6 juta), gaji pekerja (RM497.7 juta), bayaran tetap (RM99.2 juta) dan pelbagai (RM21.7 juta).

"Daripada jumlah ini, peruntukan untuk gaji pekerja, perkhidmatan dan bayaran tetap telah meningkat masing-masing sebanyak 2.1 peratus, 0.2 peratus

dan enam peratus daripada 2022.


"Sementara itu, bajet untuk bayaran lebih masa dan perbelanjaan pelbagai telah menurun masing-masing sebanyak 1.3 peratus dan satu peratus," katanya pada sidang media di Menara DBKL 1 di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur pada Rabu.

Mahadi berkata bajet pembangunan terdiri daripada pembiayaan DBKL bernilai RM540.7 juta dan geran daripada kerajaan persekutuan bernilai RM103 juta.

"Peruntukan RM103 juta adalah untuk membiayai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan Program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur," katanya.

Dari segi unjuran hasil, Datuk Bandar berkata pihaknya menjangkakan penurunan 9.4 peratus daripada RM2.298 bilion pada 2022 kepada RM2.082 bilion tahun ini.

"Menyumbang kepada penurunan ini ialah pengurangan



MAHADI (tiga dari kanan) menerima Dokumen Belanjawan DBKL 2023 daripada Pengarah Jabatan Kewangan, Mohamad Hamim selepas sidang media di Menara DBKL pada Rabu.

kutipan yuran kawalan dan perancangan pembangunan daripada RM433.5 juta pada 2022 kepada RM224.3 juta tahun ini.

"Bagaimanapun, aliran pendapatan utama kami, iaitu kutipan yuran taksiran, dijangka meningkat sebanyak 0.7 peratus kepada RM1.37 bilion," katanya.

Mengenai pengurusan penjaja,

DBKL memperuntukkan kira-kira RM54.3 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan, menaik taraf pusat komersial dan pasar awam.

Beberapa tempat seperti Bazar Genting Klang, Pasar Chow Kit, Pekan Sungai Besi, Keramat Mall, dan UTC Sentul telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Sejumlah RM266.4 juga

diperuntukkan untuk menaik taraf jalan dan pengurusan trafik, termasuk projek pelebaran jalan dan pembinaan jalan penghubung baharu.

Beliau turut menyatakan bahawa kira-kira RM67.8 juta diperuntukkan untuk projek tebatan banjir di ibu negara dan menambah bahawa DBKL akan memohon peruntukan tambahan RM500 juta daripada kerajaan persekutuan untuk tujuan ini.

Mahadi berkata, selari dengan usaha DBKL untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Kuala Lumpur Belanjawan DBKL 2023 adalah bertemakan 'Bandar Raya Mampan, Sejahtera Bersama'.

"Tema ini mencerminkan komitmen DBKL terhadap pemerkasaan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampan dan inklusif. Dengan peruntukan yang disediakan ini, kami akan menggandakan usaha untuk mencapai objektif ini, demi kesejahteraan warga kota," katanya. **WK**

RM48 juta teruskan program rendah karbon

SASARAN untuk merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon dalam tahun 2030 dan mencapai bandar karbon neutral menjelang tahun 2050 diteruskan apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM48 juta dalam Belanjawan 2023.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh DBKL telah menyumbang kepada pengurangan karbon dan sebanyak 2.1 juta tan CO2 telah berjaya diserap oleh 128,333 pokok yang telah ditanam bermula tahun 2011.

"Sebanyak 592,000 tan CO2 pula telah berjaya dikurangkan hasil daripada usaha-usaha DBKL yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan 2022 yang termasuk pengurangan penggunaan tenaga elektrik di Bangunan Menara DBKL 1, pengurangan sampah kesan daripada program kesedaran alam sekitar.

"Selain itu, program kitar semula yang dilaksanakan dan pengurangan pengeluaran asap kenderaan menerusi penggunaan pengangkutan awam bas GOKL serta LRT dan MRT," katanya dalam sidang media Belanjawan DBKL 2023 di ibu negara pada Rabu.

Menjelas lanjut, Datuk Bandar berkata sebanyak 68,000 tan CO2 telah berjaya dikurangkan hasil daripada inisiatif pemasangan solar panel PV di Kuala Lumpur sejak tahun 2017.

"Dalam hal ini, DBKL mensasarkan suhu bandar raya yang lebih rendah dalam 10 tahun akan datang.

"Oleh itu, inisiatif-inisiatif untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon akan diteruskan pada tahun 2023 dan tumpuan akan diberikan pada penjimatan tenaga elektrik, pengurangan penggunaan kendaraan



PROGRAM penanaman pokok di sekitar ibu negara berjaya mencatatkan penurunan kadar karbon sekali gus berjaya menurunkan suhu di beberapa kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

persendirian, pengurusan sampah yang efisien dan pengurusan sisu industri.

"Bagi tujuan penjimatan tenaga elektrik, DBKL akan terus meneroka projek-projek dengan penggunaan tenaga guna semula (*renewable energy*), penggunaan peralatan kecekapan tenaga (*energy efficient equipment*) dan melaksanakan ubahsuai atau *retrofitting* bangunan-bangunan lama," katanya.

Katanya, DBKL juga akan melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar dan program kitar semula bagi mengurangkan karbon yang dilepaskan daripada sampah dan sisu industri.

Menurut Mahadi, pihaknya turut memainkan peranan aktif dalam mengatasi masalah perubahan iklim yang juga antara isu utama yang dihadapi dunia pada masa kini serta mula menjelaskan kehidupan warga kota khususnya.

"Bagi menangani impak perubahan iklim pada hari ini dan masa akan datang, DBKL menyediakan dana perubahan iklim sebanyak RM7 juta yang julung kali diperkenalkan dalam mengelakkan 16 kelestarian ibu negara Malaysia.

"Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengatasi cabaran ini dan DBKL juga telah mengambil pelbagai langkah yang proaktif untuk menghijaukan Kuala Lumpur demi melindunginya daripada ancaman perubahan iklim.

"Sebagai langkah tambahan, dana perubahan iklim pada tahun 2023 bagi melaksanakan program atau projek mitigasi 17 dan adaptasi perubahan iklim dengan lebih bersungguh-sungguh," katanya.

Tambahnya, sebanyak RM2 juta dana perubahan iklim diperuntukkan daripada peruntukan mengurus dan RM5 juta diperuntukkan daripada peruntukan pembangunan. **WK**

RM378.8 juta sejahterakan komuniti warga kota, PPR/PA

SEBANYAK RM378.8 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan dan kesejahteraan komuniti warga kota termasuk yang mendiami unit-unit Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalani kehidupan di ibu negara.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan elemen kualiti kehidupan dan kesejahteraan sekali gus memberikan nilai kehidupan yang lebih baik kepada warga kota dan telah memperuntukkan RM126.8 juta untuk tujuan itu.

"Kita sedia maklum warga kota terutama golongan B40 menghadapi pelbagai cabaran dan dalam belanjawan tahun ini, sebanyak RM77.8 juta daripada peruntukan mengurus telah diperuntukkan untuk program-program pembangunan komuniti yang turut meliputi bas sekolah percuma, sambutan hari perayaan, pengurusan gelandangan, serta program pendidikan dan perpustakaan.

"Selain itu, DBKL juga menyediakan peruntukan berjumlah RM49 juta daripada peruntukan pembangunan bagi tujuan penyediaan perumahan yang lebih selesa untuk penduduk asal PA Sri Pahang, pembinaan perpustakaan dan dewan komuniti serta penambahbaikan dewan serba guna yang sedia ada," katanya.

Menurut Mahadi, DBKL turut menyediakan peruntukan berjumlah RM252 juta bagi memastikan PA dan PPR DBKL dapat dihuni oleh penduduk dengan lebih selesa.

"Sebanyak RM188.6 juta daripada peruntukan mengurus diperuntukkan untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, bayaran kontrak pembersihan dan yuran pengurusan, sewaan CCTV dan bayaran bil-bil utiliti untuk kawasan guna sama.

"Di samping itu, peruntukan pembangunan berjumlah RM63.4 juta turut diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek penggantian dan naik taraf lif, sistem elektrik dan pam, serta tangki air, bumbung dan paip utama," katanya. **WK**

Seru DBKL, PBT sedia kemudahan infrastruktur lebih selesa, kondusif

Penjaja, peniaga kecil sambut baik inisiatif Perdana Menteri

HAZIRAH HALIM

SERUAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya di kawasan bandar khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa kepada penjaja dan peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan dalam suasana kondusif disambut baik oleh golongan tersebut.

Pastinya seruan itu menggembirakan golongan yang sebelum ini terpaksa bermiaga dalam keadaan yang tidak selesa serta berhadapan dengan situasi tertentu termasuklah lokasi tidak strategik.

Bagi peniaga nasi ambeng di Tasik Sri Rampai, **Mohd Farouk Abdul Nasir**, 31, menganggap perkara ini akan membantu para peniaga mendapat ruang yang lebih selesa dengan dipenuhi pelbagai kemudahan.

"Rata-rata peniaga dan penjaja kecil terutama di jalan-jalan tidak mempunyai ruang khusus dan operasi niaga hanya tertakluk pada waktu yang dinyatakan dalam lesen perniagaan, jadi kami harap setiap projek pembangunan yang akan disediakan oleh pihak berkaitan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti air, api dan sebagainya."

"Dengan adanya penambahbaikan dan kemudahan seperti ini juga, ia bukan sahaja membuka peluang kepada peniaga



PBT dan DBKL digesa untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa dan kondusif kepada peniaga dan penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan.



MOHD FAROUK



KALSON



AZMI

untuk menjana pendapatan sebaliknya tidak perlu menghalang kesesakan lalu lintas dan ruang parkir kenderaan ketika menjalankan perniagaan di bahu jalan," katanya kepada *Wilayahku*.

Perkara ini turut disambut baik oleh peniaga Kopi Hainan, **Kalsom Anuar**, 41, yang juga mengharapkan agar pihak DBKL

mencadangkan lokasi-lokasi niaga yang bertepatan terutama ruangan khas untuk penyimpanan barang.

"Lokasi niaga di Tasik Sri Rampai ini, kami tidak dibenarkan untuk menyimpan barang di sini sebaliknya perlu simpan kesemua barang setelah habis bermiaga. Jadi itu menyukarkan peniaga untuk membuka dan menyimpan semula setiap kali operasi."

"Saya harapkan dengan inisiatif dan tindakan yang akan dilakukan ini lebih menyenangkan peniaga

dan membawa kebaikan untuk kami menjana pendapatan," katanya.

Sementara itu, peniaga air kelapa, **Muhammad Azmi Mohd Azril**, 36, berkata tindakan DBKL membolehkan peniaga memohon lesen perniagaan bermusim seperti Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri secara terus di pejabatnya adalah satu usaha terbaik yang dilakukan.

"Permohonan secara terus tanpa pembabitan orang tengah ini ada baik dan buruknya. Ia mungkin memudahkan bagi sesetengah pihak kerana segalanya akan diuruskan dan dilindungi oleh Persatuan Penjaja tetapi ada juga yang menganggap ia satu tindakan bagus memandangkan kini ia boleh dimohon secara dalam talian.

"Walau bagaimanapun, saya harap inisiatif ini akan membawa kemudahan yang lebih selesa kepada kami dalam menjana pendapatan dan memacu ekonomi negara," katanya.

Terdahulu, Anwar dalam ucapan perasmian Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2022 (HPPK2022) menggesa kemudahan itu perlu disediakan agar peniaga kecil dapat menjalankan perniagaan dengan lebih selesa dan mempunyai kemudahan asas mencukupi memandangkan golongan berkewajipan turut menyumbang kepada ekonomi negara.

Susulan pertemuannya dengan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan DBKL, pentadbir

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfaizi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

bandar raya itu diberi tempoh selama tiga bulan bagi mengemukakan rencana baharu untuk pengindahan ibu kota sambil tidak mengesampingkan hak serta keselesaan golongan penjaja dan peniaga kecil bermiaga. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Manfaat zakat MAIWP

SYABAS Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kerana telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik mengendalikan kutipan zakat demi kepentingan asnaf di Wilayah Persekutuan (WP).

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, MAIWP telah secara sistematis menyalurkan wang zakat dalam pelbagai bentuk bantuan melalui pelbagai skim yang memberi manfaat kepada golongan sasaran termasuk pelajar dan masyarakat umum.

Antara skim utama ialah Bantuan Zakat Khas MAIWP-Insani yang merangkumi Bantuan Am Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran Institut Pengajian Tinggi (IPT), Bantuan Khas Tabung Kebajikan Hospital dan Bantuan Kewangan Bulanan.

Memetik buletin Santun, terbitan MAIWP, Bantuan Khas MAIWP-Insani menyasarkan 73,895 penerima dengan jumlah perbelanjaan RM50 juta. Sebanyak RM7.35 juta diperuntuk bagi Bantuan Am Persekolahan, RM3.3 juta bagi Bantuan Am Pelajaran IPT dan RM950 ribu untuk Bantuan Khas Tabung Kebajikan Hospital.

Juga diberi ialah Bantuan Kewangan Bulanan dengan peruntukan RM30 juta, menyasarkan 30,000 penerima. Penerima Bantuan Kewangan Bulanan menerima bantuan zakat khas RM1,000 seorang melibatkan perbelanjaan RM30 juta. Ia dibayar dalam dua fasa, iaitu RM250 yang dibayar

pada Ogos 2022 dan RM750 pada Disember 2022.

Bagi penerima Bantuan Am Persekolahan, sejumlah 36,750 menerima zakat khas RM200 seorangan. Bagi penerima Bantuan Am Pelajaran IPT pula seramai 6,600 orang mendapat manfaat dengan menerima zakat berjumlah RM500 setiap seorangan.

Untuk Bantuan Khas Tabung Kebajikan Hospital, matlamatnya adalah untuk menampung kos bayaran rawatan asnaf di 15 buah hospital yang ditetapkan oleh MAIWP. Keseluruhan perbelanjaan yang disediakan untuk bantuan ini adalah RM950 ribu.

Selain itu, bantuan zakat khas juga disalurkan bertujuan melaksanakan aktiviti pelajar asnaf serta memperbaiki infrastruktur sekolah menengah dan rendah, KAFA serta Tahfiz di seluruh WP. Melalui program ini 530 buah institusi terlibat. Setiap satuan menerima bantuan RM30,000, melibatkan perbelanjaan keseluruhan RM15.9 juta.

Sebagai rekod, jumlah keseluruhan agihan zakat MAIWP dari Januari hingga Oktober 2022 mencecah RM657.024 juta. Pecahannya ialah Skim Bantuan Zakat (RM409 juta) Institusi Pendidikan dan Kebajikan (RM21.301 juta), Al-Wakalah (RM120 juta), Bahagian Amil (RM100 juta) Prasarana Umat Islam (RM5.6 juta) dan Prasarana (RM1.9 juta).

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, bagi tahun 2023, MAIWP membuat urusan pendapatan zakat meningkat 15.7 peratus kepada RM1.28 bilion berbanding tahun 2022 sebanyak RM1.11 bilion.

Semoga matlamat ini akan dapat dicapai untuk membolehkan MAIWP terus memberi bantuan kepada golongan asnaf melalui dana zakat yang disediakan. Sokongan orang ramai amat diperlukan

dalam mencapai misi ini.

Justeru mereka yang dikategorikan sebagai zakat, sama ada individu, syarikat korporat dan lain-lain mestilah menunaikan zakat masing-masing kerana itu adalah tuntutan agama.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi berharap penerima bantuan zakat mestilah juga berusaha memperbaiki diri dan kehidupan agar tidak selama-lama tersenarai sebagai asnaf. Berusahalah beralih dari penerima zakat kepada pembayar zakat pula.

Menghadapi tahun 2023

WALAUPUN hari ini, Jumaat 6 Januari, sudah enam hari memasuki tahun baru 2023, kawan-kawan Kedai Kopi rasa belum terlambat untuk mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada para pembayar *Wilayahku* serta peminat ruangan 'Sembang Kedai Kopi'.

Terima kasih kepada semua pembaca setia yang terus memberi sokongan kepada akhbar yang merupakan denut nadi bagi warga Wilayah Persekutuan (WP), baik di Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Tentunya banyak kenangan pahit manis sepanjang tahun 2022 yang semuanya tetap tersimpan dalam ingatan untuk menjadi ikhtiar kehidupan masa depan. Yang sudah berlalu biar berlalu bersama berputarnya detik masa yang tidak menunggu kita.

Yang penting ambil ikhtiar daripada setiap yang berlaku sebagai pengajaran berguna dalam menentukan arah aliran kehidupan masa depan. Yang lepas jangan terus dikenang, yang lebih

penting memikirkan hari muka.

Sering kali tahun baru diikat dengan azam baharu. Jika berazam perlu berusaha menjadikannya kenyataan. Ini secara tidak langsung akan menyerlahkan komitmen diri berusaha keras memastikan matlamat tercapai.

Negara telah melalui pelbagai peristiwa signifikan sejak Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 hingga PRU-15, terutama serangan pandemik COVID-19. Pandemik ini menyebabkan semua terhenti dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ekonomi membeku, ramai rakyat kehilangan kerja.

Kerajaan pula memberi bantuan dalam bentuk kewangan atau makanan untuk mengurangkan beban yang ditanggung. Di WP, bantuan berbentuk baki makanan diberi kepada yang memerlukan, khususnya daripada kalangan B40.

Fasa endemik mulai April 2022 menyaksikan suasana lebih baik. Ekonomi mula berkembang dan peluang pekerjaan lebih banyak. Kawan-kawan Kedai Kopi berharap ini akan menjadi indikator kehidupan lebih selesa untuk rakyat.

Pembentukan Kerajaan Perpaduan pasca PRU-15 diharap akan mewujudkan kestabilan politik sebagai teras kepada pertumbuhan ekonomi, kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat. Terlalu banyak berpolitik hanya akan menganggu momentum negara bangkit kembali kepada era sebelum pandemik.

Kepada warga WP, bersama-sama menyambut tahun baru dengan semangat serta azam memastikan WP terus maju dan makmur. Bersama kemakmuran ini, warga WP juga akan turut menikmati kedamaian dan kebahagiaan hidup dalam persekitaran lebih menggembirakan.

SABRINA SABRE

MESKIPUN tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan wabak COVID-19 pada tiga tahun lalu telah menyebabkan beberapa aktiviti ekonomi lumpuh, ramai usahawan melihat keadaan ini sebagai satu peluang untuk memulakan bisnes dan meneroka strategi baharu.

Selain perusahaan dan perniagaan sedia ada yang beralih kepada pemasaran produk secara digital, peluang ini turut sama direbut oleh banyak usahawan baharu untuk menjana pendapatan bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Warongku melaksanakan inisiatif dengan mengadakan 10 siri Program Pemantapan Penjaja Dan Peniaga Kecil melalui pendigitalan perniagaan di seluruh negara bermula 18 Mei 2022.

Menyahut perkara baik ini, kartunis terkenal **Gayour** atau nama sebenarnya, Mazli Ibrahim berpendapat program tersebut merupakan satu keperluan kepada penjaja dan peniaga kecil untuk mendapat pendedahan dan pengetahuan mengenai kepentingan inovasi serta strategi ses sebuah perniagaan.

"Program ini banyak memberi maklumat yang diperlukan oleh kami sebagai peniaga



GAYOUR



MOHD SALLEH

memandangkan keadaan telah berubah ke arah digital yang mana orang ramai perlu mengetahui cara untuk menggunakan gajet bagi mempromosi, menjual termasuk memasarkan produk mereka melalui digital dan *Information Technology* (IT).

"Banyak pendedahan yang diberikan tentang perkara ini semasa program. Bagi saya, dalam mendepani perkembangan ini, penggunaan media sosial juga merupakan satu inisiatif positif bagi menyokong perkembangan perusahaan penjaja kecil dan perniagaan pena.

"Kami juga disarankan untuk berusaha dan menjadi lebih kreatif untuk mengembangkan perniagaan termasuklah menggunakan platform maya seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* untuk bersaing dengan produk-produk lain yang

sudah terkenal," ujarnya usaha tersebut harus dilipatgandakan terutama pada era sekarang yang segala-galanya terdapat di hujung jari.

Dalam pada itu, Gayour memaklumkan program tersebut bukan hanya menerapkan perniagaan ke arah digital sahaja, malah ada juga kaedah manual yang



ANTARA produk Mohd Salleh (tengah) yang mendapat sambutan hangat daripada pengguna aplikasi Warongku.

perlu dipelajari para usahawan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan.

"Bukan kesemuanya tertumpu kepada digital, ada juga kaedah manual yang perlu dipelajari seperti bagaimana kita hendak berurus dengan pelanggan, pengiraan stok dan sebagainya yang mana ia tidak boleh dibuat secara digital. Jadi keperluan digital dan keperluan fizikal seseorang usahawan itu perlu seimbang," jelas kartunis kelahiran Bahau, Negeri Sembilan itu.

Mengaplikasikan apa yang telah dipelajarinya selama tiga bulan dalam Program Pemantapan Penjaja Dan Peniaga Kecil, Gayour memberitahu beliau telah mencabar diri dengan menerbitkan produk terbaru iaitu Metal Maskot

pengetahuan dalam berniaga adalah asas utama untuk memastikan sesuatu bisnes itu berjaya.

"Sejujurnya sebelum ini saya ada menggunakan platform secara dalam talian (*online*) tetapi saya berasa sangat 'sendu', selepas sahaja serta program tersebut barulah saya nampak terdapat banyak kekurangan dalam perniagaan ini. Dalam tempoh tiga bulan mereka banyak memberikan kami ilmu dan bimbingan termasuk cara untuk membuat dan memasarkan produk.

"Pada hujung minggu mereka akan bertanya mengenai *progress*, ada atau tidak membuat *sales* seperti yang telah diajar, ada atau tidak pergi berjumpa dengan pelanggan," ujarnya yang berharap program sebegini akan diteruskan bagi membantu usahawan terutama di kawasan luar bandar.

Selepas tiga bulan menyertai program tersebut, hasil jualan Pak Leh Pes yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak ini telah meningkat kepada 15,000 (pes terjual) manakala di *TikTok* pula mencecah 147,000 dan turut mengucapkan terima kasih kepada KUSKOP dan Warongku di atas tunjuk ajar yang diberikan menerusi program tersebut.

Terdahulu, Gayour dan Mohd Salleh merupakan antara 20 peserta cemerlang daripada 200 orang yang terpilih untuk menyertai 10 siri pelaksanaan Program Pemantapan Penjaja Dan Peniaga Kecil 2022.

WK

Warongku beri 1001 manfaat buat penjaja kecil

DIANA AMIR

PLATFORM digital Warongku yang dilancarkan pada April 2021 lalu dilihat banyak memberi manfaat buat penjaja kecil yang mendaftar di bawahnya selain jualan yang lebih tinggi dapat dihasilkan.

Warongku direka dengan objektif untuk meningkat dan melonjakkan pendapatan usahawan mikro, usahawan informal serta penjaja juga peniaga kecil melalui jualan dalam talian.

Berkongsi berkenaan kelebihan mendaftar di bawah platform tersebut, **Rushanie Nurhafiza Muhamad**, 30, berkata antaranya adalah peniaga tidak perlu membuat kira-kira pada setiap bulan memandangkan Warongku sudah menetapkan hanya lima peratus (%) sahaja yang akan diambil dari hasil jualan.

"Selain itu, kita juga boleh bermula bersama-sama sekali gun membantu sesama usahawan. Sebagai contoh, setiap link produk usahawan yang kita bantu promosikan, peniaga akan



RUSHANIE

mendapat 1% dari jualan yang berjaya. Ia adalah daripada 5% caj perkhidmatan yang Warongku tetapkan," katanya sewaktu ditemui *Wilayahku* pada Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 (HPPK2022) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Rushanie yang menjual ayam pandan menerusi Warong Mall itu berkata peniaga juga akan dibantu menerusi latihan serta video tutorial dalam meningkatkan lagi hasil jualan.

"Saya pada mulanya agak blur untuk bermula apa dan pada bulan Jun tahun lalu, baru tahu mengenai kelas percuma yang disediakan di platform Warongku. Setelah serta, mereka bantu peniaga kecil macam saya untuk pasarkan produk melalui media sosial seperti membuat *live* di *TikTok*, *content* di *Instagram* dan sebagainya.

"Setiap minggu akan ada kelas *mentoring* dan di situ saya banyak bertanya soalan untuk lebih memahami mengenai

perniagaan *online* dan *alhamdulillah* kini saya bukan sahaja peniaga malah merupakan salah seorang *trainer* Warongku," ujarnya yang mempunyai kira-kira 100 orang mentee di bawahnya.

Tambahnya hasil jualan ayam pandannya juga meningkat sejak menggunakan platform Warongku.

"Sebelum ini jualan saya biasa-biasa sahaja malah pernah tidak mencapai sebarang jualan namun setelah mendaftar, saya mampu mencapai RM2,000 hingga RM3,000 dalam sebulan," jelasnya yang mengharapkan lebih ramai peniaga kecil di luar sana untuk mencuba platform e-dagang Malaysia seperti Warongku kerana pelbagai kelebihan serta ilmu baru akan diperoleh.

Dalam pada itu, turut berkongsi kelebihan penggunaan Warongku terhadap peniaga kecil, Mas Dianaliza Md Jasa, 39, berkata penghantaran percuma yang ditawarkan merupakan faktor utama dirinya memilih platform tersebut.

"Warongku adalah sebuah aplikasi yang mempunyai pelbagai jenis servis perkhidmatan, pembelian dan jualan hanya dalam satu aplikasi. Tambahan pula ia tidak kenakan sebarang kos penghantaran jika



YANA bersama sebahagian produk HYA Empire yang dijual diplatform Warongku.

dibandingkan dengan e-dagang yang lain.

"Jadi kenapa kita tidak manfaatkan kelebihan yang kerajaan sudah sediakan oleh sebab itu saya memilih Warongku dan mahu ia diperkenalkan lebih meluas kepada rakyat Malaysia," katanya yang juga merupakan seorang suri rumah.

Sementara itu, Mas Dianaliza atau lebih dikenali sebagai Yana mengakui tidak menyangka penglibatannya sebagai peniaga menerusi Warongku membuka banyak peluang buat dirinya.

"Saya bermula sebagai *dropship* dahulu, seorang peniaga kecil dan kini saya merupakan salah seorang Tenaga Pengajar Warongku dan Trainer Warongku Academy sebaris dengan *trainer* yang lain.

"Peluang dari Program Warongku, saya dipilih ke Program Train The Trainer, kemudian Program Business Coaching Certification di bawah Warongku dan pernah dijemput sebagai Tenaga Pengajar untuk pelajar Usahawan Kolej Komuniti Kulim pada hujung tahun lepas," ujarnya yang turut mengajak peniaga di luar sana untuk mendaftar di bawah Warongku dan menyertai Program Go E-Commerce On Boarding 2023 yang akan bermula Februari ini.

Terdahulu, Rushanie dan Yana merupakan antara 20 peserta cemerlang daripada 200 orang yang terpilih untuk menyertai 10 siri pelaksanaan Program Pemantapan Penjaja Dan Peniaga Kecil 2022.

WK

Kuala Lumpur sebuah kehidupan



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

PADA 2 Januari 1984 saya menjelak kaki kali kedua di Kuala Lumpur untuk melayari kerjaya sebagai wartawan. Pada 2 Januari lalu genaplah 39 tahun menumpang hidup di kota yang penuh dengan warna-warni ini.

Memang tidak terjangka boleh bertahan begitu lama di Kuala Lumpur yang mulanya adalah suatu yang amat asing. Tidak pernah terlintas dalam mimpi sekalipun untuk menjadi sebahagian penghuni kota yang dulunya ditinjau dari jauh sahaja.

Menetap dan bekerja di Kuala Lumpur suatu yang hampir mustahil. Lagi pula tidak ada sandaran yang memaksa saya ke Kuala Lumpur. Apa lagi dengan latar akademik yang sangat rendah, mana mungkin Kuala Lumpur menerima kehadiran sebagai penghuni baharunya.

Inilah yang memenuhi ruang fikir saya suatu ketika dulu – Kuala Lumpur hanya untuk yang kaya dan bijaksana. Seperti yang banyak dititipkan dalam filem dan drama, orang kampung seperti saya tidak ada ruang hidup di kota. Akan tetapi hakikatnya berbeza sekali.

Kuala Lumpur berdiri dengan nilai-nilai yang kontras antara satu dengan lain – kaya dan miskin. Baik dan buruk - Hitam dan putih. Di tengah-tengahnya adalah realiti hidup yang siapa sahaja berpeluang mendapatnya sekalipun diuji dan diduga terlalu besar.

Sudah tentu tanpa bersandarkan kerjaya kewartawanan, tidak ada sesuatu yang mendesak saya meneroka kehidupan di Kuala Lumpur. Bukan sahaja untuk mencari rezeki malah berkampung dan beranak pinak di kota ini. Kini kampung yang jauh di mata hanya dihubung untaian kenangan. Kuala Lumpur tempat berdiri ketika ini adalah hakikat kehidupan.

Tentunya tanpa memilih kerjaya kewartawanan, agak mustahil saya boleh singgah begitu lama di kota ini. Hanya di sini kerjaya yang dipilih itu boleh bercambah dan teruji oleh persekitaran dan perubahan zaman. Banyak perihal manusia boleh dijadikan ilham karya kewartawanan.

Sekalipun hampir empat dekad menyusur segenap urat nadi kota



KUALA Lumpur adalah ruang terbaik untuk memahami dan memberi erti pada setiap relung hidup yang dilalui.

yang paling sibuk di negara ini, terasa semacam belum cukup mengenali karakternya. Kuala Lumpur sangat unik dan penuh rahsia. Misterinya sukar dibaca. Karakternya sangat abstrak – sukar untuk difahami kecuali ikut berada di tengah-tengah pergulatan manusiana.

Kuala Lumpur adalah sebuah kehidupan yang membentangkan hitam dan putih sekali gus. Terpulang pada penghuninya memilih kehidupan yang diingini. Putih atau hitam. Yang memilih hitam pun boleh menikmati kehidupan dan mewah yang luar biasa.

Dengan kompas adab dan pesan-pesan ayah dan bonda yang tidak pernah luput tarikh, tidak mudah untuk kita menjadi perantau yang tersesat di jalanan. Sekalipun tidak semua ayah dan bonda kita itu orang yang bijak pandai, akan tetapi mereka arif membaca hidup.

Kuala Lumpur bukan hanya ada satu jalan, akan tetapi berbagai-bagi jalan. Sama seperti lorong dan jalan yang berselirat, begitulah juga lorong hidup untuk dipilih. Hal ini kerana tidak semua jalan itu membawa kita menemui sebuah kehidupan.

Sebagai wartawan yang tidak pernah bersara, Kuala Lumpur umpsama lubuk yang didiami banyak ikan. Semua ikan-ikan itu tidak pernah kehabisan sekalipun dipukat berkali-kali. Malah semakin bercambah dan membiak. Demikianlah analogi Kuala Lumpur.

Masa yang sama ini juga sebuah kota yang sangat mengilhamkan.

ia memberi peluang untuk saya mengangkat kisah-kisah manusia yang pelbagai warna berpusar dan hilir mudik di perutnya. Perihal manusia lain kerap kali pula memberi isyarat supaya kita lebih banyak mengamati dan tidak gopoh dan melulu.

Di Kuala Lumpur ada banyak orang kaya yang tahap ‘gila’. Maknanya sangat kaya hingga tahap akal kita yang marhaen ini seperti tidak percaya ada orang seperti itu. Hakikatnya memang ada dan banyak pula yang menyumbang kembali kepada yang susah dan memerlukan.

Miskin di Kuala Lumpur kalau tidak kena gayanya membawa pada melarat – hilang akal untuk mencari jalan pulang. Rumah hanya di atas kotak kertas dan menumpang di kaki-kaki lima untuk melelapkan mata. Walaupun begitu ini sangat mengilhamkan saya. Sangat mendesak untuk melihat melampaui yang terzahir akan cabaran golongan marginal di kota sebesar Kuala Lumpur.

Berfikir bukanlah satu yang merugikan. Daripada kisah-kisah suka dan duka mereka, kita yang rajin berfikir pasti mengakui bahawa setiap kehidupan itu sebenarnya bukan mudah. Kalau miskin dikatakan penghalang sebuah kehidupan, kaya juga boleh mengalih kita daripada kehidupan.

Yang miskin teralih atau terpesong daripada kehidupan kerana tidak mampu, akan tetapi yang kaya dan terlebih kaya juga tidak terkecuali. Kekayaan lebih mudah membawa manusia tergelincir daripada makna hidup yang sebenarnya. Kehidupan

“*Di Kuala Lumpur ada banyak orang kaya yang tahap ‘gila’. Maknanya sangat kaya hingga tahap akal kita yang marhaen ini seperti tidak percaya ada orang seperti itu. Hakikatnya memang ada dan banyak pula yang menyumbang kembali kepada yang susah dan memerlukan.*

adalah sebuah perkongsian dengan manusia lain termasuk juga yang miskin.

Malah kehidupan yang sebenarnya bukan untuk diri sendiri sahaja, akan tetapi ada bahagian-bahagiannya untuk orang lain. Tidak kira kaya atau miskin, menerima dan memberi itu menjadi prasyarat dalam setiap hidup bermasyarakat.

Ini membenarkan kata-kata Hamka, kalau sekadar hidup, kera di hutan juga hidup. Maknanya dalam kehidupan yang sebenar bukanlah sekadar hidup, akan tetapi hidup untuk berjasa – tidak kira kecil atau besar sumbangannya.

Maka hidup bukanlah sekadar ikutan daripada orang lain. Hidup adalah suatu yang kita bina dan percaya daripada pengalaman dan pesan-pesan berharga orang tua-tua. Oleh hal yang demikian hidup tidaklah sekadar tidak mati kelaparan. Akan tetapi hidup mesti berjasa kepada orang lain.

Kalau kita tergolong dalam kelompok manusia yang suka mengamati, Kuala Lumpur adalah ruang terbaik untuk memahami dan memberi erti pada setiap relung hidup yang dilalui. Bukan semua yang marhaen atau gelandangan tidak menyumbang sebagai bahan renungan. Hidup atau takdir yang diuji kepada orang lain adalah cermin pandang belakang untuk melihat jejak hidup sendiri.

Begitu juga dengan pantulan hidup mereka yang kaya raya, semuanya membentangkan renungan kehidupan yang amat bernilai. Hal ini kerana tidak semua yang kaya itu mampu hidup dalam erti kehidupan yang sebenarnya. Banyak juga yang cemburu dengan kehidupan yang pada pandangan kita serba kekurangan tetapi bahagia.

Kuala Lumpur juga

membentangkan banyak lorong untuk menjadi kaya-raya. Akan tetapi tidak semua lorong itu memberikan kehidupan yang dicit-citakan. Banyak lorong untuk mendapat kehidupan yang kaya dan mewah termasuk yang tidak selari dengan undang-undang dan moral.

Maka tidaklah perlu gundah kerana tidak menggapai kehidupan yang terpantul di layar angan-angan kita. Malah tidak perlu berasa rendah diri dengan kekurangan kerana yang kurang itu barangkali kelebihan di sisi orang lain. Kelebihan dan kekurangan itu adalah sepasang sayap yang membawa kita terbang merentas garis yang dipisahkan darjat dan kedudukan.

SAJAK

YANG KUSELAK HARI INI

Sebuah diari dimeja menarik berahiku kuselak lembar-lembarnya tiada apa-apa masih bersih tidak dinoda pena

Diari yang kubuka hari ini masih tak bernama setelah disember hampir pulang tiada apa nak kucatatkan kubiar terdampar lesu

Pernah nak kucatatkan tentang politik dan negaraku namun tiada yang manis hanya luka bangsaku

Kubiarkan diariku di situ menikmati malam terakhir 2022 aku simpan sahaja dihati kubiar 365 ini begitu berlalu sambil menghirup kopiku.

H. Hasni

SAJAK

Dedaun Januari

Dedaun Januari gugur di laman basah belum kukutip yang gugur kelmarin luruh pula dedaun bermacam rupa tidak akan ku marah pada dedaun itu ia cuma membilang hari-hari manusia aku menjadi marah pada diri sendiri belum siap merawat kesakitan lalu harus kuhampar tubuh nan baharu.

Zulaikha Adam
Kuantan, Pahang.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Kenapa ganggu, pertikai Yayasan WP?

PADA pertemuan tertutup Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan Ahli-Ahli Parlimen Kuala Lumpur sempena lawatan Anwar ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 22 Disember lalu, wakil rakyat Kepong, Lim Lip Eng, mempertikai fungsi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Lip Eng mahu YWP dibubar. Alasannya, sudah sekian lama YWP membazir duit pembayar cukai kerana fungsi dan tanggungjawabnya bertindih dengan jabatan lain.

Walaupun pertemuan tertutup, ia menjadi tatapan umum apabila Lip Eng bertindak memuat naik mengenai apa yang beliau timbulkan melalui hantaran Twitter yang kemudian dikutip oleh sebuah portal berita. Kerana itu Adi juga ingin menyentuh apa yang disebut oleh Lip Eng berhubung YWP.

Pada Adi, ia lebih merupakan pandangan peribadi tanpa atas kukuh. Perlu difahami penubuhan dan fungsi YWP adalah seperti yayasan yang terdapat di negeri lain misalnya Yayasan Perak, Yayasan Pahang, Yayasan Selangor, Yayasan Sabah dan sebagainya.

Wilayah Persekutuan (WP) sebagai sebuah negeri mewujudkan yayasan sendiri untuk melaksanakan pelbagai fungsi demi kepentingan warga kota. Misi dan visinya digariskan dengan jelas dalam piagam penubuhan.

YWP ialah ‘Syarikat Berhad Menurut Jaminan’ yang ditubuhkan pada 9 April 1986, dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan. Kini setelah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dimansuh individu lain dijangka menjadi pengerusi.

Misi YWP ialah menjadikannya sebuah yayasan bertaraf negeri yang kukuh, mampu menjana dan menguruskan dana dengan efektif serta mengagihkan secara saksama pelbagai bantuan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk WP.

Objektif YWP pada Adi, sangat murni iaitu membantu menaik taraf golongan berpendapatan rendah serta memerlukan bantuan. Sejajar itu, misi YWP tertumpu kepada lima teras utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

Skim Pendidikan merangkumi bantuan dan program berkaitan pendidikan; Ekonomi pula berkaitan program pembangunan ekonomi dan pemerkasaan keusahawanan; Sosial merangkumi skim dan bantuan melibatkan kebijakan, kesihatan, bencana dan lain-lain.

Bagi aspek Agama merangkumi upacara-upacara agama sementara Teknologi berkisar kepada penyediaan sistem pengurusan



FOKUS YWP adalah menjadi sebuah yayasan bertaraf negeri yang kukuh, mampu menjana dan menguruskan dana dengan efektif serta mengagihkan secara saksama pelbagai bantuan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk WP.

dan pemudah cara akses awam kepada YWP.

Jelas misi dan objektif menyerlahkan iltizam YWP untuk muncul sebagai sebuah yayasan yang kukuh. Pada masa sama menabur bakti bagi memastikan kesejahteraan warga kota yang memerlukan bantuan, terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi tanpa mengira bangsa dan agama.

Dalam aspek pendidikan, YWP mempunyai rekod terpuji membantu pelajar tidak berkemampuan tetapi cemerlang dalam pelajaran, baik di sekolah atau Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ini dilakukan melalui Bantuan Khas Persekolahan dan Skim Bantuan Awal IPT.

Untuk pelajar sekolah yang tidak berkemampuan, bantuan awal persekolahan diberi untuk meringankan ibu bapa melunasi keperluan perbelanjaan musim persekolahan. Juga diberi bantuan beg sekolah serta Program Bantuan Makanan.

Program Bantuan Makanan yang diberi kepada pelajar Sekolah Menengah bernilai RM5 setiap seorang memberi faedah kepada 1,500 pelajar di 91 sekolah di Kuala Lumpur. Selain itu, 250 pelajar di sembilan sekolah masing-masing di Putrajaya dan Labuan menikmati faedah sama.

Pelajar cemerlang kurang berkemampuan yang berjaya memasuki menara gading turut diberi bantuan kewangan awal. YWP bertindak memastikan mereka tidak tercincir sehingga memperoleh bantuan daripada sumber lain.

Bantuan kewangan yang diberi secara sekali terima ini, atau one-off, merupakan bantuan kewangan kepada pelajar memasuki IPT awam atau swasta di dalam atau luar negara.

Bantuan diberi meliputi pangajian peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana dan kedoktoran.

Dalam aspek ekonomi pula, YWP menyediakan bantuan perniagaan. Antaranya melalui Skim Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) dan Skim Mikro Kredit Wilayah Persekutuan.

Melalui Skim UAMK, bantuan diberi dengan menyediakan lokasi perniagaan dan bantuan gerai mudah alih kepada warga kota. Program ini dilaksana secara kolaborasi dengan KWP dan agensinya seperti DBKL, Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

Bantuan kepada golongan peniaga kecil dan penjaja yang menjadikan perniagaan sebagai sumber rezeki, dibuat melalui Skim Mikro Kredit Wilayah

Persekutuan. Bantuan termasuk pinjaman kepada peniaga dan penjaja berlesen di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sehingga RM5,000 tanpa faedah.

YWP juga membantu golongan berpendapatan rendah atau B40 menghadapi kenaikan harga barang. Ini dilakukan melalui Program MyGrocer@Wilayah yang merupakan jualan murah barang kepada penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur.

Yayasan dengan kerjasama KWP menyediakan peruntukan bagi barang asas dan dijual terus kepada penghuni PPR/PA DBKL di 39 lokasi meliputi 13 kawasan perlimen WP.

Melalui MyFood@Wilayah pula, bantuan beras diberi kepada warga WP. Sehingga Julai 2022, seramai 9,511 warga WP telah menerima bantuan ini.

Selain itu, turut diberi Bantuan Bakul Makanan yang merupakan sumbangan makanan asas percuma kepada warga WP pelbagai kaum yang layak menerima. Setiap keluarga menerima antaranya sekampit beras lima kilogram, mi segera, biskut dan lain-lain.

Bantuan Ihya Ramadan turut diberi sebagai bantuan kepada keluarga miskin sempena sambutan bulan Ramadan. Sumbangan adalah dalam bentuk kewangan dan barang.

Banyak lagi khidmat bakti YWP yang tidak dapat disenaraikan kesemuanya. Yang nyata semua perkhidmatan ini sangat bermanfaat menjurus kepada membela dan menyantuni warga WP. Apa yang dilakukan selama ini adalah khidmat murni yang merentasi batas agama, bangsa dan politik.

Satu fakta penting yang mesti diketahui ialah YWP tidak mendapat peruntukan tahunan daripada kerajaan. Penyaluran sumbangan adalah daripada dana atau sumber pendapatan perniagaan yang dijana oleh YWP sendiri. Ini melambangkan usaha gigih YWP mengumpul dana untuk disalurkan kembali demi kepentingan warga WP. Pengorbanan ini sewajarnya dihargai.

Perlu juga disebut terdapat program bermusim yang mana YWP hanya bertindak sebagai

pelaksana sahaja. Contohnya Program MyGrocer@Wilayah. Ia adalah inisiatif KWP, tidak melibatkan kewangan di pihak YWP.

Mengambil kira fakta ini semua, apakah asas atau di mana logiknya dakwaan Lip Eng YWP hanya membazirkan wang pembayar cukai. Mungkin beliau tidak memahami operasi dan sumber kewangan YWP. Jadi seelok-eloknya minta penjelasan sebelum meluah tuduhan.

Adi benar-benar tidak faham kenapa ada ahli parliment YWP seperti Lip Eng mempertikai fungsi dan peranan YWP sehingga mahu ia dibubar. Alasan ia bertindih dengan peranan adalah dangkal kerana setiap agensi ada peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Mungkin Lip Eng beranggapan fungsi seperti memberi bantuan pelajaran sudah dilaksanakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau agensi lain. Juga bantuan untuk rakyat miskin dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ini adalah kesimpulan umum yang dilihat secara makro semata-mata. Fungsi YWP perlu dilihat secara mikro, menjurus kepada warga WP. Ini juga yang dilakukan oleh Yayasan di negeri lain. Kenapa harus tuding jari kepada YWP sahaja?

Adi tegas berpegang YWP tidak harus diusik atas alasan remeh atau demi kepentingan politik semata-mata. YWP telah lama wujud dan berfungsi dengan baik. Ia tidak harus diganggu gugat, sebaliknya biarkan ia terus melakukan yang terbaik untuk warga WP.

Adi berharap Perdana Menteri abaikan sahaja desakan Lip Eng. Kepada Lip Eng dan Ahli-Ahli Parliment WP, berilah buah fikiran membina membantu memakmurkan WP dan mensejahterakan warganya. Yang sudah wujud dan berfungsi dengan baik serta efektif seperti YWP kenapa hendak diganggu?

Adi—Teruskan tugas murni YWP

Adi Taib

SKETSA SEMASA



Bantu pelajar PPR kuasai matematik

PREPKOM, pelajar UIAM jalin kerjasama

HAZIRAH HALIM

PENUBUHAN Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) dibawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang terletak di 10 lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Kuala Lumpur merupakan suatu kemudahan yang membawa banyak manfaat kepada komuniti setempat.

Kewujudannya bukan sahaja dapat membantu kerajaan menangani gejala sosial terutama dalam kalangan remaja bahkan memudahkan komuniti setempat melaksanakan pelbagai aktiviti berkumpulan antaranya kelas tuisyen, mesyuarat kejuriran serta program kerjasama badan bukan kerajaan (NGO).

Terbaru, seramai 24 pelajar



MOHD FARHAN

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengadakan Program Math Camp bersama 35 pelajar sekolah rendah di PPR Kampung Baru Air Panas, Setapak, baru-baru ini.

Menurut Eksekutif Kanan PREPKOM YWP, **Mohd Farhan Azhari**, ia merupakan inisiatif terbaik yang dilakukan pelajar UIA dan YWP bakal mengadakan kerjasama dengan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk memperbanyakkan program di PREPKOM.

"Ini adalah program pembelajaran yang bermanfaat untuk anak-anak di PPR yang dipenuhi pelbagai pengisian ilmiah antaranya kaedah atau cara untuk memahami dan mengulangkaji subjek-subjek yang dipelajari di sekolah.



FIRDAUS (lapan dari kanan) bergambar bersama peserta Program Math Camp, di PPR Kampung Baru Air Panas, baru-baru ini.

"Dalam masa yang sama, YWP melalui PREPKOM juga sentiasa terbuka untuk turut bekerjasama dengan mana-mana IPT yang ingin melakukan program bersama komuniti di PPR," katanya kepada **Wilayahku**.

Sementara itu, Pengarah Projek Program Math Camp, **Muhammad Firdaus Ahmad Mokhlis**, berkata

para pelajar diberi perkongsian tentang teknik pembelajaran dan penguasaan subjek matematik.

"Pelajar diuji tahap penguasaan matematik seperti tambah, tolak, darab dan operasi gabungan melalui tiga stesen dalam 'Sports Mathematic Games' yang mana di setiap stesen tersebut memerlukan mereka menjawab setiap soalan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

yang diberi sambil bermain.

Terdahulu, Program Math Camp anjuran pelajar UIAM ini merupakan salah satu aktiviti jalinan masyarakat bagi memenuhi keperluan tugas akademik menerusi subjek Usrah In Action 1. **WK**

Mesyuarat Agung ke-22: PVWP libatkan penyertaan anak muda

BIARPUN giat menjalankan aktiviti konvoi ke seluruh negara, namun Persatuan Vespa Wilayah Persekutuan (PVWP) sentiasa menitikberatkan sifat tanggungjawab dan mematuhi segala peraturan jalan raya yang telah ditetapkan.

Menurut Pengurusnya, **Yaacob Abdul Hamid**, mereka telah mendapat amanat daripada Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Kuala Lumpur (JPJKL) merangkap Penasihat PVWP, Mohd Zaki Ismail agar mematuhi undang-undang, membuat pemeriksaan sebelum bergerak serta menggunakan peralatan keselamatan.



AHLI PVWP sejurus Mesyuarat Agong Tahunan PVWP yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Meskipun banyak aktiviti yang telah dirancang namun pematuhan terhadap undang-undang jalan raya terutama berkaitan lesen

kenderaan bermotor, cukai jalan dan teknikal fizikal kenderaan menjadi keutamaan dalam persatuan.

"Bagi mengelakkan sebarang

kemalangan berlaku dalam kalangan ahli, persatuan sering memberi bimbingan, nasihat serta kursus kepada ahli-ahli mengenai keselamatan jalan raya dan kaedah pemanduan yang betul dan selamat," ujarnya.

Tambahnya, Mesyuarat Agong Tahunan PVWP yang berlangsung 30 Disember 2022 lalu menyaksikan seramai 15 ahli jawatankuasa dilantik yang melibatkan penyertaan dalam kalangan anak muda.

"Mereka adalah generasi ketiga peminat motor Vespa. Saya berharap penglibatan mereka dapat membawa imej yang baik dalam persatuan dan membantu menggerakkan serta menjayakan lagi

aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

"Beberapa pindaan perlembagaan telah dibincangkan serta kami turut merangka beberapa program tahunan antaranya Majlis Ramah Mesra Keluarga Vespa yang dijangka akan dilaksanakan awal tahun ini.

"Tiga siri lawatan juga akan diadakan yang mana kami akan berkonvoi melawat ahli persatuan yang sedang terlantar sakit di sekitar Seremban, Sungai Buloh dan Bukit Beruntung," kongsinya.

Terdahulu, Persatuan Vespa Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada 12 Ogos 1992 terdiri daripada 90 ahli seawal usia 22 tahun sehingga 72 tahun. **WK**

YWP bangun perniagaan demi kebajikan rakyat Wilayah Persekutuan

DEEL ANJER

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) antara syarikat yang ditubuhkan untuk membantu menaik taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



NOREZATY

Memandangkan pertubuhan ini bukanlah berasaskan keuntungan, YWP telah mewujudkan bahagian Pembangunan Perniagaan atau *Business Development* (BD) untuk terus menjaga kebajikan rakyat.

Menurut Pengurus Hartanah dan Projek Khas Bahagian Pembangunan Perniagaan YWP, **Norezaty Syuhada Jamil**, 33, perniagaan merupakan perkara penting YWP dalam membela nasib rakyat.

"YWP adalah pertubuhan

kebajikan. Kita tidak mendapat apa-apa geran daripada mana-mana agensi maupun kerajaan kerana YWP berdiri sendiri. Jadi, YWP memerlukan BD kerana bahagian ini akan mengembangkan pendapatan syarikat bagi memastikan segala program untuk rakyat dapat dilaksanakan," ujarnya.

Norezaty juga mengakui YWP sentiasa berusaha mencari projek dan berharap pihak luar sudi untuk menjalinkan bekerjasama.

"Saya mengalau-alukan pihak di luar sana agar bekerjasama dengan kami untuk apa sahaja projek. Perniagaan yang anda bangunkan bukan sahaja untuk keuntungan tetapi juga manfaat buat rakyat.

"Kita akan terus mencari projek walaupun kecil untuk mengembangkan pendapatan syarikat. Jadi, apabila kita mempunyai BD, secara



KOMPLEKS ARENA Sukan Kuala Lumpur antara bangunan yang diuruskan YWP.

tidak langsung syarikat mempunyai pendapatan untuk melaksanakan program kebajikan," ujarnya yang turut dipertanggungjawabkan untuk menjaga bahagian hartanah.

Dia juga turut mempunyai pengalaman dalam menguruskan sejaan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya perumahan, perindustrian, komersial

dan pertanian.

"Jenis atau kategori penyewaan ini bergantung kepada ekosistem sesbuah kawasan. Misalnya kalau di Labuan terkenal dengan industri marin, jadi penyewaan tanah itu lebih cenderung kepada aktiviti sebegini seperti pembinaan jeti," tambahnya lagi yang turut menguruskan sejaan Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

RondaKota

6 - 12 JANUARI 2023 . BIL 197

Wilayah Ku

Nafas baharu Bas Nadiputra

WARGA Putrajaya yang menggunakan perkhidmatan bas awam Nadiputra boleh menarik nafas lega apabila ia diberi nafas baharu bermula 1 Januari lalu.

Malah, operasi serta kekerapannya iaitu 10 minit pada waktu puncak ternyata memudahkan urusan sehariannya warganya selain menjimatkan masa penumpang.

Ternyata perkhidmatan bas yang disediakan untuk kemudahan penduduk Putrajaya serta orang ramai yang ingin berurus atau melancong di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini dilihat masih relevan biarpun ketika ini ramai yang memiliki kenderaan sendiri.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





Bas Nadiputra lebih kerap, selesa



AINI MAWAWI

DARI MUKA 9

LEMBARAN tahun baharu 2023 diwarnai dengan perasaan teruja warga Putrajaya yang menggunakan perkhidmatan bas awam apabila perkhidmatan Nadiputra diberi nafas baharu di bawah Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) bermula 1 Januari 2023.

Masih mengekalkan nama perkhidmatan Bas Nadiputra, sebanyak tujuh laluan diperkenalkan yang beroperasi bermula pukul 6.30 pagi hingga 8 malam pada hari Isnin hingga Jumaat sementara pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am bermula pukul 7 pagi hingga 8 malam.

Penambahbaikan melibatkan

peluasan kawasan baharu dan kekerapan waktu puncak iaitu penetapan semula kekerapan waktu puncak bagi Laluan P101 daripada 15 minit kepada 10 minit manakala kekerapan luar waktu puncak dikekalkan bermula 3 Januari 2022.

Sementara penetapan semula kekerapan waktu puncak bagi Laluan P102, P103, P104, P105, P106, P108 daripada 30 minit kepada 20 minit manakala kekerapan luar waktu puncak dikekalkan bermula 3 Januari 2023.

Terdapat tujuh laluan perkhidmatan disediakan dengan tiga hab utama iaitu Perhentian Bas Kompleks E, Presint 1, Dataran Gemilang, Presint 4 dan Terminal

Putrajaya Sentral.

Laluan P101 adalah percuma manakala RM1 bagi enam laluan yang lain dengan menggunakan bayaran tanpa tunai sahaja iaitu kad *Touch n Go*. Diskaun kadar tambang layak dimohon oleh golongan warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pelajar.

Tinjauan *Wilayahku* baru-baru ini mendapati rata-rata warga Putrajaya yang menggunakan khidmat bas tersebut menunggu seawal pukul 6.15 pagi untuk ke tempat kerja.

Menurut salah seorang penumpang, **Wan Nur Liyana Wan**

Husain, ini merupakan kali pertama menggunakan khidmat Nadiputra memandangkan pada hari tersebut dia mempunyai

tugasan di Putrajaya.

"Saya tidak biasa dengan kawasan Putrajaya, untuk itu ahli keluarga mencadangkan agar saya menggunakan perkhidmatan ini. Ternyata ia tidak menghamparkan kerana bas datang tepat pada masa," ujarnya.

Katanya lagi, selain lebih mudah ke tempat kerja, perkhidmatan bas ini juga selesa serta dalam masa yang sama dia tidak perlu risau untuk mencari tempat letak kenderaan dan sebagainya.

"Bagi saya perkhidmatan bas awam ini sangat relevan biarpun masyarakat hari ini hampir kesemuanya mempunyai kenderaan sendiri. Jika kita lihat di negara maju seperti Perth, Australia bas juga merupakan antara pengangkutan utama," ujarnya.

Turut diakui oleh **Nur Hatirah Mohamed Halim**, Bas Nadiputra merupakan satu-satunya

pengangkutan yang digunakan olehnya ketika ini kerana ia mudah untuk ke tempat kerja dan menjimatkan masa.

"Saya lebih selesa duduk di dalam bas dan sampai di destinasi yang dituju dengan tepat selain dapat berehat serta tidak perlu bersesak dalam kesesakan jalan raya lebih-lebih pada waktu puncak.

"Apabila dapat tahu Nadiputra mengenakan satu laluan percuma iaitu P101 saya tak sabar untuk menaikinya kerana ia melalui tempat kerja saya. Tambah pula kekerapannya 10 minit sekali," ujarnya lagi.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan operasi perkhidmatan bas henti-henti dan laluan ini boleh melayari laman web: www.myrapid.com.my, Facebook: @myrapid, atau hubungan talian **03-7885 2585** atau e-mel: suggest@rapidkl.com.my. **wk**



Penambahbaikan operasi dari semasa ke semasa – PPj

LALUAN P101
(KOMPLEKS F - PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH - PERSIARAN PERDANA - PRESINT 5)



Informasi Perkhidmatan

Waktu Operasi	Isnin - Jumaat 6.30 pagi - 8.00 malam Sabtu, Ahad & Cuti Umum 7.00 pagi - 8.00 malam
Waktu Puncak	6.30 pagi - 9.00 pagi 4.30 petang - 6.00 petang
Bukan Waktu Puncak	9.00 pagi - 4.30 petang 6.00 petang - 8.00 malam
Kekerapan Waktu Puncak*	15 minit
Kekerapan Bukan Waktu Puncak*	30 minit
Kekerapan pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum*	45 minit
Tambang	Percuma

* Kekerapan bergantung pada keadaan lalu lintas semasa.



BAGI memastikan perkhidmatan Bas Nadiputra berjalan lancar dan memudahkan pergerakan warga Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) sedia untuk menambah baik operasi dari semasa ke semasa.

PPj dalam satu kenyataan menjelaskan, antara penambahbaikan tersebut adalah kekerapan waktu puncak serta peluasan kawasan baharu untuk penduduk di karters penjawat awam 15-12A dan 15-12B dan yang berhampiran.

"Penetapan semula kekerapan waktu puncak bagi Lalu P101 daripada 15 minit kepada 10 minit manakala kekerapan luar waktu puncak dikekalkan bermula 3 Januari ini," katanya.

"Selain itu, penetapan semula kekerapan waktu puncak bagi Lalu P102, P103, P104, P105, P106, P108 daripada 30 minit kepada 20 minit manakala kekerapan luar waktu puncak dikekalkan bermula 3 Januari ini," katanya.

Dalam masa yang sama, PPj sentiasa cakna dengan berkembangan semasa serta sebarang aduan yang disuarakan oleh penumpang bagi memastikan perkhidmatan Bas Nadiputra



FADLUN (duduk, depan kiri) ketika menaiki Bas Nadiputra.

memudahkan pergerakan warga Putrajaya.

Perkhidmatan Bas Nadiputra yang beroperasi di bawah Rapid Bus Sdn Bhd mengenakan tambang sebanyak RM1 sehala untuk enam laluan manakala laluan P101 (Kompleks F – Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah – Persiaran Perdana – Presint 5) percuma.

Terdahulu, Presiden PPj, Datuk

TPr Fadlun Mak Ujud bersama Bahagian Trafik dan Pengangkutan Awam PPj mengambil kesempatan melakukan tinjauan pengoperasian perkhidmatan Bas Nadiputra.

Untuk maklumat lanjut berkenaan atau permohonan Kad Konsesi MyRapid, sila layari www.myrapid.com.my/our-products/concession-cards. W.K







DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah membentangkan belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tahun 2023 yang bertemakan 'Bandar Raya Mampan, Sejahtera Bersama' di Menara DBKL 1, Kuala Lumpur pada Rabu lalu.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan diiringi Pengarah Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan DBKL, Khairul Azmir melakukan pelepasan 'New Year Run' di hadapan Menara DBKL pada Ahad lalu.

Foto: Ghong Woon Song





Perlis

- 1 Rumah Kupi
- 2 NGOPI
- 3 Ahli Kopi

Pulau Pinang

- 5 NGOPI Cornwallis
- 6 Constant Gardener Coffee
- 7 Secangkir Kopi Hitam
- 8 Bricklin Café & Bar
- 9 2F+ Coffee Roastery
- 10 Frank Laurent Coffee Roasters

NORTHERN
MALAYSIA

Coffee
EXPERIENCE

All I Need is Coffee and a SPA Day!

Perlis

- 1 Rumah Kupi
Rumah Kupi, Jalan Kampung Kundang Tengah
02500 Mata Ayer Perlis
beaudenach@gmail.com
- 2 NGOPI
No. 24, Jalan Kapitol
01000 Kangar, Perlis
christina.lia.acc@outlook.com
- 3 Ahli Kopi
Gorai No.2, Lot No.42
Jalan Perjaya Medan Raja Syed Alwi
01000 Kangar, Perlis
rl.muzaffar@gmail.com

Kedah

- 4 Panggery Café
26, Jalan Pengkalan,
Taman Petaling Raya,
06000 Sungai Petani, Kedah
panggerysunrise2020@gmail.com

Pulau Pinang

- 5 NGOPI Cornwallis
Fort Cornwallis, Jalan Tua Syed Shah Buccah
10200 Georgetown, PENANG
christina.lia.acc@outlook.com
- 6 Constant Gardener Coffee
Ground Floor,
Penang Chinese Chamber Of Commerce Building,
9, Lebuh Light, 10200 George Town, Pulau Pinang
operation@constantgardenercoffee.com
- 7 Secangkir Kopi Hitam
5, Lubuk Clarke,
10650 George Town, Pulau Pinang
Secangkirkopihitam2023@gmail.com

- 8 Bricklin Café & Bar
31A, Jalan Garibara,
10300 George Town, Pulau Pinang
rashidmewco@gmail.com

- 9 2F+ Coffee Roastery
Jln Paya Terubong,
11100 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Yellowhouse102@gmail.com

- 10 Frank Laurent Coffee Roasters
Block 2-1-20, Udat Square,
Lebuhraya Kadik 1,
11700 Gelugor, Pulau Pinang
franklaurentcoffeeinternational@gmail.com

Perak

- 11 Shake & Bake Cafe
14, Jalan Raja Muda Shah
10250 Ipoh, Perak
beaudenach@gmail.com





TOURISM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI
DAN SUDUTA MALAYSIA



NORTHERN MALAYSIA *Coffee* EXPERIENCE

All I Need is Coffee and a SPA Day!

PERAK

Time Free Vacation Sdn Bhd
Northern Malaysia Coffee Experience
From RM488 Per Pax
KPL 8618
+016-6511228
timefreevacation@gmail.com

Ipoh Overland Sdn Bhd
2D1N Coffee Experience
From RM438 Per Pax
KPL1478
+012-5050209
ipohoverland6@yahoo.com

Kurma Travel Sdn Bhd
2D1N Penang Coffee Trail
From RM380/Pax
KPL8212
019-9973314
lopkurmatravel@gmail.com

Kurma Travel Sdn Bhd
3D2N Lenggong / Grik Coffee Trail
From RM450/Pax
KPL8212
019-9973314
lopkurmatravel@gmail.com

PULAU PINANG

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
2D1N Perlis – Kedah Coffee Trail
RM338 per pax
KPL5721
+013-4355582 / +012-43287692
csyeap_tt@yahoo.com

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
Penang Tours & Coffee Trails
RM350 / Pax (6 hours) *Minimum 2 pax
KPL5721
+013-4355582 / +012-43287692
csyeap_tt@yahoo.com

CS Yeap Travel & Tours Sdn Bhd
Kuala Sebetang & Taiping Day Trip
RM188 per pax
KPL5721
+013-4355582 / +012-43287692
csyeap_tt@yahoo.com

TRA Holidays Sdn Bhd
2D1N Coffee Experience @ Penang
From RM399 / Pax
KPL9535
04-5783177 / 012-5980877
traholidaysb@gmail.com

PERLIS

Bintong Travel & Tours
2D1N Coffee Experience @ Perlis
RM150 / Pax
KPL5322/5438/2815
04-9782416/012-2310929/012-4310929
bintongtravel@yahoo.com

Bintong Travel & Tours
3D2N Coffee Experience @ Perlis
RM260/Pax
KPL5322/5438/2815
04-9782416/012-2310929/012-4310929
bintongtravel@yahoo.com

KEDAH

MLS Holidays Sdn Bhd
2D1N Kedah – Perlis Coffee Trails
From RM300/Pax *Minimum 10 pax
KPL6283
016-2008428
emilnkw@gmail.com

MLS Holidays Sdn Bhd
2D1N Kedah – Perlis Coffee Trails
From RM599/Pax *Minimum 10 pax
KPL6283
016-2008428
emilnkw@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
Kedah 1-Day Tour
From RM95 / Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
Kedah-Perlis 1-Day Tour
From RM105 / Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com

Famira Travel & Tours Sdn Bhd
2D1N Coffee Trail
From RM425 / Pax
KPL4702
019-5796801
famiratravel@gmail.com



*Other terms and conditions apply



www.malaysia.travel

Kondo mewah Siti di Dubai bernilai RM20 juta



DEEL ANJER

PENCAPAIAN penyanyi nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** sering menjadi inspirasi kepada masyarakat untuk terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Terbaharu, pelantun lagu Cindai itu membeli sebuah kondominium mewah di The Address Residences, Dubai. Kondominium mewah itu terletak tidak jauh dari menara ikonik pencakar langit, Burj Khalifa.

Difahamkan ia adalah sebuah kondominium servis eksklusif yang terletak di pusat bandar Dubai yang mana bangunan setinggi 56 dan 64 tingkat itu direka berdasarkan bentuk kapal layar laut Arab.

Hasil tinjauan dalam enjin carian Google mendapat kondominium itu bernilai lebih RM20 juta untuk satu unit.

Pencapaian ini membuatkan ramai yang kagum termasuklah anak tiri Siti, Asyraf Khalid. Asyraf yang juga usahawan produk Mutyara turut meluahkan rasa bangganya dengan kejayaan yang telah dicapai oleh penyanyi tersohor tanah air itu.

"Congratulations Mak Iti (panggilan untuk Siti Nurhaliza) on your first property in Dubai. So happy and proud to see your achievements. It's such an inspiration to me and Tya."

"Doakan satu hari nanti, Ap (Asyraf) pun boleh ikut jejak langkah Mak Iti. Ap doakan Allah akan murahkan lagi rezeki ayah dan Mak Iti. You really deserve this for all endless hardwork perfecting your craft," luahnya. **W.K**



"Tak marah, cuma kecewa" – Nabila Razali

PENYANYI dan pelakon **Nabila Razali** meluahkan rasa kecewa terhadap salah seorang juri *The Masked Singer Malaysia* musim ketiga.

Walaupun tidak menamakan siapa yang membuatkan dia berasa terkilan dan kecewa, namun Nabila telah memuat naik hantaran sedutan program tersebut yang memaparkan persembahan Si Tangkis menyanyikan lagu hit nyanyiannya iaitu Pematah Hati.

Ketika memberi komen, Atu telah membuat penilaian dengan mengaitkan nama Nabila.

"Tapi Nabila Razali tidak boleh menyanyi *live*," komen Atu bersahaja dalam cubaan untuk meneka penyanyi di sebalik topeng.

Nabila yang meluahkan rasa kecewa di ruangan *Instagram* story berkata ia

bukanlah lucu. Tambahan pula, dia sentiasa memperbaiki kelemahan diri dan tidak pernah berputus asa.

"Mungkin *punchline* begini kedengaran lucu buat orang lain, tetapi saya tidak. Saya telah mencuba sehabis baik untuk memperbaiki diri sepanjang tahun. Hanya peminat sejati saya tahu progress yang telah dilakukan," katanya.

Bagaimanapun kata Nabila, dia tidak marah kepada Atu, cuma kecewa.

"Kepada semua pelawak di luar sana tolonglah cari material yang lebih baik untuk

membuat orang ketawa. Saya tidak nampak ia berbeza dengan 'body shaming'.

"Atau mungkin memang perlu merendahkan orang lain supaya lebih menonjol. Saya tidak marah kepada dia cuma sedikit kecewa," luahnya.



Nadin Amizah bakal jayakan konsert pertama di Malaysia

PENYANYI Indonesia, **Nadin Amizah** mengumumkan bakal mengadakan konsert sulungnya di Malaysia anjuran MYdeteksi, pada 21 Januari ini.

Dengan kerjasama TAPAUasia, Sorai dan Tap Projects, konsert yang dinamakan Selamat Ulang Tahun dan Kisah Lainnya itu akan diadakan di Zepp Kuala Lumpur.

Nadin yang popular dengan lagu Bertaut, Sorai, Seperti Takdir Yang Kita Tulis dan Rumpang, mengaku teruja kerana konsert ini bakal menemukan dirinya dengan peminat-peminat secara lebih dekat.

"Aku senang sangat kerana pertama kali aku datang ke Malaysia, aku langsung bisa nyanyi untuk teman-teman semua."

"Aku akan bawakan sebahagian daripada konsep 'Selamat Ulang Tahun' tapi istimewanya untuk teman-teman di Malaysia, aku juga akan mempersembahkan lagu-laguku yang lainnya."

"Semoga sesuatu yang kecil bisa menggerakkan hati yang besar," katanya.

Sementara itu, bagi wakil pengajur iaitu

Pengarah Kreatif MYdeteksi, Shafika Mazlan, Nadin mempunyai kelompok peminat yang sangat menghargai bakatnya.

"Kami di MYdeteksi bersama TAPAUasia percaya Nadin Amizah mempunyai kelompok penggemar yang sangat menghargai bakat besarnya."

"Nadin bukan sahaja hebat dalam penciptaan lagu dan nyanyian, tetapi juga bagaimana dia membawa penggemar masuk ke dalam 'kisah-kisah' yang ingin disampaikan lewat penceritaan yang dibentuk," ujarnya.

Tiket Konsert Selamat Ulang Tahun dan Kisah Lainnya oleh Nadin Amizah sudah mula dijual sejak 22 Disember lalu.

Mengambil sempena untaian hitnya, tiket berharga RM190 dijual di bawah judul Rumpang dan Taruh, RM230 (Bertaut), Sorai (RM250) dan RM600 untuk Star yang akan memberi keistimewaan kepada penggemar beramah mesra dengan Nadin. Semua tiket boleh dibeli di tapautix.tapau.asia.



Wisma Jakel terbakar, butik Fitri Haris terjejas

PENYANYI nasyid, **Dr Fitri Haris** menganggap kebakaran gedung teknik Jakel cawangan Shah Alam, baru-baru ini yang turut menjadikan butiknya Al Mukarramah yang terletak berdekatan kawasan itu sebagai dugaan tahun baharu.

Disebabkan kejadian yang dialaminya, bekas anggota UNIC itu terpaksa membatalkan beberapa perkara yang telah dirancang.

"Pohon doa kesejahteraan Jakel Shah Alam. Kebakaran keseluruhan wisma juga merebak ke butik saya, Al Mukarramah."

"Segala urusan promosi ditangguhan dan akan dikemas kini kemudian, pohon doa dari semua. Pohon doa kesabaran buat sahabat seperjuangan Izani (Pengarah Jakel) dan seluruh warga kerja Jakel serta Al Mukarramah," katanya reda dengan apa yang berlaku.

Bagaimanapun kata Fitri atau Mohamad Fitri Mohamad Haris, 38, dia akan bangkit semula demi memastikan butik pakaian muslimah dan kelengkapan haji umrah itu kembali beroperasi seperti sedia kala.

Bekas juara Program Gema Gegar Vaganza 2 itu juga lebih selesa tidak menyalahkan mana-mana pihak kerana percaya setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya meskipun pahit untuk diterima.



BUTIK Al Mukarramah milik Fitri yang turut terjejas dalam insiden kebakaran baru-baru ini.

DR AIZAN ALI@
MAT ZIN


TAK kenal maka tak cinta. Ia merupakan bait kata-kata yang sering diungkapkan apabila kita berada dalam keadaan tidak mengenali dan memahami sesuatu mahupun seseorang. Mana mungkin umat Nabi Muhammad SAW jatuh cinta kepada Baginda Rasulullah SAW yang telah wafat jika tidak mengenali dan menyelami ajaran Islam secara menyeluruh dan mendalam. Justeru, umat Islam perlu menggali khazanah ilmu yang ditinggalkan dan diwarisi oleh para ulama dan awliya demi cinta kepada agama Islam dan utusan Allah SWT.

SUMBER SIRAH NABI MUHAMMAD SAW

SUMBER sejarah Islam yang muktabar dan boleh dirujuk oleh seluruh umat Islam adalah Al-Quran dan Al-Hadis. Kedua-duanya merupakan sumber utama dan primer. Buku-buku sirah Nabi yang ditulis dan disusun dengan merujuk kedua-dua sumber ini telah mencatatkan pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan Baginda SAW dan turut menceritakan gambaran rupa paras Nabi Muhammad SAW berdasarkan deskripsi keluarga dan para sahabat. Kitab hadis yang muktabar di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah Sunan Sittah; Sahih al-Bukhari; Sahih Muslim; Sunan al-Tirmizi; Sunan Abi Daud-Sunan ibn Majah dan Sunah al-Nasa'ie.

Sebagai contoh sebuah hadis yang diriwayatkan dari Anas bin Malik R.A di mana beliau pernah berkata, maksudnya: Rasulullah SAW bukanlah orang yang terlalu pendek, (kulitnya) tidak putih pucat juga tidak sawo matang, (rambutnya ikal) tidak terlalu kerinting dan tidak terlalu lurus. Baginda SAW diutus oleh Allah menjadi Rasul pada usia 40 tahun. Baginda SAW menetap di Makkah (sebagai Rasul) selama 10 tahun. Baginda SAW diwafatkan oleh Allah dalam usia 60 tahun, dalam keadaan

Kenali Rasulullah SAW melalui sumber sejarah Islam yang muktabar



PEMAHAMAN tentang kepentingan sejarah Islam bukan sekadar ilmu yang mati tetapi membentuk pemahaman dan kefahaman masyarakat masa kini.

tidak sampai 20 helai uban yang terdapat di kepala dan jangguntnya. (Riwayat Al-Bukhari: No 3547).

Berdasarkan hadis sahih riwayat Imam Al-Bukhari di atas, umur Rasulullah SAW ketika wafat adalah 60 tahun, sedangkan buku-buku yang berada di tangan kita menyebut bahawa Baginda wafat ketika berumur 63 tahun. Bagaimana perbezaan ini boleh timbul? Malah ada yang bertanya; yang mana satu lebih tepat? Jika masyarakat menguasai ilmu falak, mereka lebih mudah faham faktor timbul perbezaan umur tersebut. Begitu juga dengan perbezaan tarikh berlaku sesuatu peristiwa dalam sejarah Islam.

Perbezaan ini berpunca daripada sistem catatan tarikh yang berbeza telah menyukarkan para sejarawan mencatat tarikh yang

sama. Sebagai contoh, umat Islam menyebut Tahun Gajah sebelum kalender Hijri disusun. Kalender Hijri disusun berdasarkan sistem pergerakan bulan. Ia berlainan dengan sistem kalender Masihi yang dikira berdasarkan pergerakan bumi mengelilingi matahari. Selain daripada kalender Hijri dan Masihi, terdapat banyak sistem kalender lain yang banyak dipengaruhi oleh kemahiran astronomi sesuatu tamadun seperti Melayu, Jepun, Cina dan India. Justeru tidak hairan jika timbul pelbagai tarikh dicatat untuk sesuatu peristiwa yang sama.

Apakah penting kita faham adalah sifat sejarah yang 'in situ' tidak boleh dipindahkan masanya atau lokasinya kepada masa hari ini dan lokasi pada hari ini. Ia tidak akan pernah sama dan tepat. Malah, hari ini kita turut menyaksikan 1 Syawal

tahun Hijrah di Malaysia tidak sama dengan beberapa buah negara yang lain walaupun berada di garisan Khatulistiwa yang sama. Sistem kalender dan tarikh yang diterima pakai oleh sesebuah kerajaan akan digunakan dalam urusan kehidupan sehari-hari.

Contohnya di Malaysia kita menggunakan kalender Masihi untuk urusan rasmi dan catatan tarikh. Namun ada yang turut meletakkan tarikh Hijri di samping tarikh Masihi untuk sesuatu catatan peristiwa dan urusan rasmi. Apabila kita menggunakan aplikasi dalam talian untuk menukar tarikh Masihi kepada tarikh Hijri, akan muncul tarikh yang berbeza dengan tarikh Hijri yang tercatat pada dokumen rasmi. Justeru, tarikh yang tercatat pada dokumen rasmi tersebut yang diterima sebagai benar dan sah.

“ Masyarakat Islam di Malaysia perlu sedar dan memahami kepentingan ilmu sejarah Islam. Ia bukan sekadar ilmu yang mati tetapi hidup dan membentuk pemikiran serta kefahaman masyarakat pada hari ini. Keceluaran sumber sejarah Islam dalam kalangan umat Islam telah menghakis jati diri mereka sebagai pewaris umat yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada zaman keagungan Islam. ”

KESIMPULAN

MASYARAKAT Islam di Malaysia perlu sedar dan memahami kepentingan ilmu sejarah Islam. Ia bukan sekadar ilmu yang mati tetapi hidup dan membentuk pemikiran serta kefahaman masyarakat pada hari ini. Keceluaran sumber sejarah Islam dalam kalangan umat Islam telah menghakis jati diri mereka sebagai pewaris umat yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada zaman keagungan Islam. Umat Islam patut bangga menjadi seorang Muslim dan meneruskan legasi kecemerlangan tersebut dalam pelbagai bidang ilmu dan kerjaya.

**DR Aizan Ali@Mat Zin,
merupakan Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah dan Tamadun
Islam, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya Kuala Lumpur.**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		HALF PAGE	
26cm X 33cm		26cm X 17cm	
RM7,500	RM5,500		
QUARTER PAGE		PANEL PAGE	
12cm X 17cm	26cm X 6cm	[INNER]	
RM4,500	RM4,500		

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Sebarkan salam dan hentikan ucapan kebencian



DR ALWANI GHAZALI

WALAUPUN tiada definisi khusus bagi ucapan kebencian (*hate speech*), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengertikannya secara umum sebagai:

"Sebarang bentuk komunikasi sama ada kata-kata, tulisan atau perbuatan yang menyerang atau menggunakan penghinaan, atau bahasa diskriminasi terhadap seseorang atau suatu kumpulan atas dasar siapa mereka — sama ada berdasarkan agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna, keturunan, jantina mereka atau apa juga faktor yang membentuk identiti mereka."

Dalam konteks Malaysia mutakhir ini, ucapan kebencian telah terpapar dan tular di pelbagai pelantar media sosial sebelum bermulanya kempen Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 lagi, ucapan kebencian ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada tulisan, video pendek atau visual. Ia mengandungi unsur-unsur provokatif yang memburukkan sesetengah etnik, mengungkit sejarah Malaysia, melabel dengan label buruk serta penghinaan atau memanggil dengan panggilan hodoh yang kadangkala disertai carutan.

Perlu dinyatakan bahawa ucapan kebencian tersebut tidak cuma

dibuat oleh penyokong satu blok parti sahaja, sebaliknya dilakukan oleh semua blok. Dengan yang demikian, tulisan ini tidaklah bertujuan menuduh jari pada satu pihak atas dasar berat sebelah. Sebaliknya, tulisan ini bertujuan untuk menyedarkan tentang kesan dan akibat ucapan kebencian pada orang lain tidak kira dari mana ucapan itu datang.

Ucapan kebencian mampu menghilangkan tolak ansur sesama anggota masyarakat, membabitkan perrusuhan serta mencetuskan kemarahan. Kemarahan pula boleh membawa kepada keganasan terhadap pihak yang dibenci. Dalam rantaian proses yang melibatkan luapan emosi tersebut, kebencian terhadap golongan sasaran dirasakan munasabah.

Menurut satu laman sesawang oleh King Abdullah Abdulaziz Centre for Interreligious and Intercultural Dialogue (KAICIID), terdapat beberapa faktor yang berpotensi merubah kata kebencian kepada pelakuan ganas iaitu suasana yang kondusif untuk melakukan keganasan; seorang jurucakap yang berpengaruh; ucapan atau perbuatan yang disebar luas; pendengar atau penonton yang percaya mesej kebencian tersebut serta target yang kebiasaannya merupakan golongan yang terpencil dalam masyarakat.

Apa yang berlaku di negara kita pada ambang PRU-15 adalah sangat membimbangkan. Bukan sahaja ada pihak yang

“ Mana-mana agama di dunia ini sangat terhubungkait dengan kedamaian dan keamanan, apakah lagi Islam yang menjadi agama rasmi di negara kita. Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah sering mengulang-ulang mesej kedamaian, kasih sayang dan kesatuan.

kedamaian dan keamanan, apakah lagi Islam yang menjadi agama rasmi di negara kita. Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah sering mengulang-ulang mesej kedamaian, kasih sayang dan kesatuan.

Rasulullah SAW telah bersabda: "Janganlah kamu saling membenci, jangan saling iri hati, saling bermusuhan, saling memutuskan hubungan dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim untuk menjauhi saudaranya lebih dari tiga hari," HR Bukhari No: 5605.

Muslim adalah penyebar kedamaian. Dalam keadaan genting di mana kebencian memperanakan perrusuhan, tidak wajar bagi mereka untuk bertindak umpama menyimbah minyak ke api. Dalam hal ini, sama ada sebagai penghasil kandungan (*content creator*) mesej kebencian dan hasutan, atau sebagai penyebar mesej tersebut; kedua-dua perbuatan tersebut sama-sama tidak memberi untung pada kemanusiaan.

Ironinya, banyak kempen PRU-15 yang sarat kebencian dan hasutan baru-baru ini telah dihasilkan oleh Muslim serta turut disebarluaskan oleh bukan sebarang Muslim malah guru-guru agama atas dasar mempertahankan Islam. Walhal Islam tidak sama sekali dapat dipertahankan dengan perkataan yang hodoh.

Keadaan ini bukan sahaja tidak

menyumbang pada pembelaan Islam seperti yang dimahukan, bahkan imej Muslim yang membawa ajaran terbaik itu turut menjadi lekeh kerana terpalit dengan perbuatan Muslim sendiri.

Sosok Nabi Muhammad SAW terkenal dalam masyarakatnya dengan kemuliaan budi pekerti, adab yang tinggi, kata-kata yang sopan dan hormat dalam apa jua keadaan. Sifat-sifat ini adalah konsisten sejak sebelum diangkat menjadi utusan Allah. Peristiwa menyatakan kabilah-kabilah di Mekah supaya bersama-sama mengangkat hajarul aswad untuk meletakkan di tempatnya semula adalah suatu simbol penyatupadan yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW buat kita.

Agamawan sebagai golongan berilmu tentang hakikat ini sewajarnya meredakan api kemarahan dan kebencian masyarakat terhadap satu sama lain, jauh sekali untuk terlibat menularkan mesej-mesej kebencian yang tidak berasas.

Mulai saat ini, marilah kita sebarkan salam, tularkan ucapan kasih sayang dan perpaduan supaya mesej ini mendominasi media sosial lalu mengatasi segala ucapan kebencian, hasutan dan perrusuhan.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di aghazali@um.edu.my.

Bantuan banjir: Pantai timur Selebriti puji usaha MAIWP, NIQ Ehsan



DEEL ANJER

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan RM6 juta bagi membantu mangsa banjir khususnya di negeri Pantai Timur, baru-baru ini.

Menurut Pengerusi MAIWP, **Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar**, sebanyak RM1 juta disalurkan masing-masing kepada Majlis Agama Islam Negeri di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Manakala RM2 juta adalah untuk misi bantuan banjir dan barang sumbangan seperti jug air elektrik, sejадah, kain batik, kain pelikat serta alatan pembersihan.

Sementara itu, sebanyak RM1 juta disalurkan dalam bentuk bukal makanan dan kit solat menerusi Skuad Musa'adah iaitu agensi di bawah Menteri Agama, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

"Peruntukan RM6 juta merupakan wang zakat daripada pembayar zakat dan kami berterima kasih kepada kesemua pembayar zakat," katanya selepas upacara penyerahan vest Skuad MAIWP



KHADIJAH Ibrahim (empat dari kiri) dan Norlia Ghani (tiga dari kanan) bersama Skuad MAIWP INSANI dan NIQ Ehsan ketika penyerahan sumbangan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Teladas, Air Putih, Kemaman, baru-baru ini.

INSANI di Darul Kifayah MAIWP Batu Caves, baru-baru ini.

Dalam masa sama, pihaknya turut memobilisasikan Skuad MAIWP INSANI ke Kelantan dan Terengganu bermula 29 hingga 30 Disember lalu.

Mohd Daud berkata seramai 108 pegawai MAIWP, anak syarikat MAIWP dan badan bukan kerajaan (NGO) turut terlibat dalam menyalurkan bantuan barang kelengkapan berkenaan yang

merangkumi 1,500 mangsa banjir di setiap negeri yang terlibat.

Program MAIWP INSANI: Misi Bantuan Banjir ini turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Kebajikan NIQ Ehsan Malaysia (NIQ

Ehsan).

Selain itu, penglibatan artis popular Datuk Khadijah Ibrahim dan Norlia Ghani dalam misi bantuan banjir ini juga menunjukkan golongan selebriti turut prihatin terhadap masyarakat yang dilanda musibah.

"Satu daripada cara saya menjalankan tanggungjawab sosial dan membalaik sokongan masyarakat terhadap saya dan kerjaya saya selama ini.

"Dalam masa yang sama, ini juga salah satu cara untuk merapatkan silaturahim sesama kita. Islam sendiri menggalakkan kita saling membantu dan meringankan beban mereka yang ditimpa musibah," luah Khadijah Ibrahim.

Manakala Norlia Ghani juga meluahkan rasa syukur apabila diberi peluang oleh MAIWP dan NIQ Ehsan untuk terlibat dalam misi bantuan mangsa banjir kali ini.

Selain NIQ Ehsan, rakan-rakan strategik lain yang terlibat adalah Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, MAIWP Health Care, Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL), University College MAIWP International, MAIWP Dagang dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan. **WK**

JPBD Labuan catat tiada bencana alam sepanjang fenomena MTL



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

JAWATANKUASA Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan mencatatkan tiada sebarang bencana alam susulan kejadian Monsun Timur Laut (MTL) dan fenomena air pasang besar sejak 21 Disember lalu.

Menurut Pengurusnya, Rithuan Mohd Ismail, meskipun tiada sebarang bencana direkodkan namun pihaknya sentiasa bersiap siaga dari segi penyediaan logistik dan pasukan keselamatan dalam menghadapi sebarang bencana yang berkemungkinan bakal

berlaku.

Katanya, pihaknya telah mengenal pasti sebanyak enam kawasan hot spot dan pemantauan diteruskan dari semasa ke semasa.

“Sekiranya berlaku hujan kita akan memantau dan turun ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti bagi memastikan keadaan dapat dikawal.

“Sekiranya keadaan itu kelak tidak dapat dikawal, kita akan meminta bantuan daripada agensi-agensi yang ada untuk bersama-sama menggembungkan tenaga bagi menguruskan serta memastikan tiada sebarang kemalangan jiwa berlaku,” katanya kepada



RITHUAN

da pemberita selepas melakukan tinjauan di Kampung Patau-Patau Dua, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Polis Labuan, Superintendant Ahmad Jawila, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan Ismaidi Ismail.

Dalam padaitu, Rithuan turut memaklumkan sebanyak 29 buah Pusat Penempatan Sementara (PPS) telah diwujudkan bagi menempatkan penduduk yang terjejas.

“JPBD sentiasa siap siaga khususnya dalam menyediaan PPS kepada penduduk yang terjejas, di Labuan kita telah mempunyai PPS yang mencukupi,” katanya lagi.

WK



RITHUAN (tengah) bersama ketua-ketua agensi penguat kuasa semasa tinjauan fenomena MTL di Kampung Patau-Patau Dua, baru-baru ini.

APMM komited kuat kuasa undang-undang maritim

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Labuan komited bagi menguatkuasakan undang-undang maritim di perairan Pulau Bebas Cukai itu demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terjaga.

Menurut Pengarah APMM Zon Labuan, Kapten Nudin Jusoh, selain menjaga keselamatan perairan, pihaknya juga turut memainkan peranan aktif dalam penguatkuasaan bagi mengimbangi kepentingan ekonomi perkapalan di pulau itu.

Katanya, menjaga kepentingan pertumbuhan ekonomi perkapalan dan penguatkuasaan amat penting bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara khususnya kepada Labuan.

“Tugas ini amat sukar dan mencabar demi mengimbangi penguatkuasaan dan kesejahteraan ekonomi. Walau bagaimanapun, kita memastikan penguatkuasaan maritim



NUDIN (tiga dari kanan) mendengar taklimat mengenai pengoperasian aktiviti pemindahan kapal ke kapal yang dijalankan oleh syarikat Victoria STS Sdn Bhd.

tidak akan menjejaskan dan memberikan kesan kepada ekonomi khususnya sektor perkapalan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pejabat Victoria STS Sdn Bhd bagi mendapatkan taklimat mengenai pengoperasian syarikat itu, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Victoria STS, Datuk Seri Patrick Tiong.

Nudin berkata aktiviti pemindahan kargo dari kapal ke kapal di kawasan perairan Labuan perlu diberi perhatian berikutan limpahan ekonominya pada ekonomi di pulau itu.

Jelasnya, pihaknya akan terus memberi kerjasama dengan syarikat tersebut dan berharap pihak pengendali dan terus mematuhi sepenuhnya prosedur dan standard keselamatan serta keperluan lain yang berkaitan. WK



NUDIN (duduk, dua dari kiri) bersama Datuk Patrick (duduk, tengah) merakamkan gambar kenangan pada sesi lawatan ke Pejabat Victoria STS, baru-baru ini.



JUNAIDAH (enam dari kiri) diiring Jainuddin (lima dari kiri) bersama-sama petugas media daripada pelbagai agensi pada Majlis Apresiasi Media di LIGC, baru-baru ini.

KPDN Labuan rai sumbangan petugas agensi media

PEJABAT Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Labuan mengadakan Majlis Apresiasi Media bagi menghargai sumbangan agensi media dalam membantu menyebarluaskan maklumat sahih kepada masyarakat.

Menurut Pengarahnya, Junaidah Arbain, pihaknya menghargai sumbangan media sebagai satu platform yang berkesan dalam penyalurkan maklumat penting kepada masyarakat.

Jelasnya, peranan media amat diperlukan oleh agensi penguatkuasaan khususnya jabatannya untuk menyalurkan maklumat penting agar masyarakat memperolehi maklumat yang sah.

“Kita di KPDN amat bersyukur kerana pihak media di Labuan sentiasa memberikan kerjasama dan saling membantu kita untuk menyalurkan maklumat dan sentiasa membuat liputan di setiap program yang kita laksanakan.

“Kerjasama yang baik ini kita mahu ia berterusan demi kepentingan semua khususnya masyarakat untuk mendapat berita yang sah,” katanya ketika berucap pada Majlis Apresiasi Bersama Media di Labuan International Golf

Club (LIGC), baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai lapan wartawan dan juru gambar yang mewakil agensi masing-masing iaitu Borneo Daily Bulletin, RTM, Wilayahku, JaPen dan See Hua menerima cenderahati daripada KPDN Labuan.


Sementara itu, Pengurus Persatuan Penggiat Media Labuan, Jainuddin Djimin menzahirkan penghargaan kepada pihak KPDN Labuan yang telah mengadakan majlis tersebut bagi menghargai jasa para petugas media.

Katanya, kerjasama baik di antara media dan KPDN akan diperkuatkan demi kebaikan kepada masyarakat agar maklumat sah dapat disampaikan secara tepat kepada masyarakat khususnya di Labuan.

“Kita ucapkan ribuan terima kasih kepada pengarah KPDN Labuan kerana sudi menganjurkan majlis seperti ini dan kami sebagai petugas media amat menghargainya.

“Dengan terjalinnya hubungan ini, kita yakin akan memberi manfaat kepada dua-dua pihak dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab demi kepentingan masyarakat,” katanya. WK

PERADUAN MEWARNA PM197



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM197".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 JANUARI 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 199.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 195

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM195:


RUSSELL WONG KET SHUN
(9 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

NUR AYRA UMAIRAH SYAFIE
(12 tahun)
Ampang, Selangor

NABIL HAQIMI ZAINAL ABIDIN
(10 tahun)
Jalan Gombak, Kuala Lumpur



TEKA SILANG KATA SK197



MELINTANG

1. Harta benda
5. Bergerak ke hadapan
6. Bekas minuman
7. Dua atom oksigen
10. Nada suara

KE BAWAH

1. Bahan mentah/galian yang diperdagangkan
2. Pertanian
3. Satu unsur gas nadir
4. Kedudukan dalam organisasi/masyarakat
8. Tisu tubuh
9. Alat penyepit air

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK197".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 JANUARI 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 199.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK195:

MOHAMMAD AZRUL MAT RAIS
(44 tahun)
Taman Sri Keramat, Kuala Lumpur

ROSNAH JAAFAR
(53 tahun)
Bentong, Pahang

AINUL HAFIEZAH HUSSIEN
(29 tahun)
Presint 18, Putrajaya

Keindahan Sunrise Beach jadi tarikan pengunjung ke Labuan



KHAIRUL IDIN

SUATU ketika dahulu, Sunrise Beach yang terletak di Kampung Tanjung Aru Nelayan, Labuan sunyi daripada pengunjung. Malah ia hanya dikenali dalam kalangan masyarakat

kampung tersebut sahaja. Terletak lebih kurang lapan kilometer dari pusat bandar Labuan, pemandangan di sini begitu indah terutamanya ketika matahari terbit apabila panoramanya dihiasi Gunung Kinabalu.

Menyedari tarikan yang terdapat di Sunrise Beach, penduduk Kampung Tanjung Aru Nelayan mengambil peluang mencantikkan kawasan pantai untuk menarik pelancong ke kawasan tersebut.

Menurut wakil penduduk, **Nur Firdaus Nordin**, usaha membangunkan kawasan itu bermula pada pertengahan tahun 2020 dan semua penduduk kampung bersepakat bekerjasama mendirikan beberapa gerai dan pondok.

"Ia didirikan beratapkan daun seperti mana yang dilakukan oleh masyarakat pada zaman dahulu untuk mendirikan rumah atau pondok. Konsep yang diketengahkan bertujuan agar pengunjung dapat merasai suasana kampung."

"Ini adalah usaha seluruh penduduk kampung untuk menghidupkan kemeriahan pantai kampung kami selain memberi manfaat kepada seluruh warga di pulau ini untuk beriadah bersama keluarga pada hujung minggu."

"Di sini terdapat lima buah gerai yang menyediakan makanan tradisional seperti ambuyat selain terdapat juga jualan barang lain seperti cenderamata, perhiasan dan sebagainya," ujarnya menjelaskan operasi gerai bermula pukul 7 pagi sehingga 6 petang setiap hujung minggu dan cuti umum.

Tambahnya, sejak mula beroperasi pada pertengahan tahun 2021, sambutan yang diterima amat menggalakkkan bukan sahaja dalam kalangan warga Labuan bahkan pelancong luar turut berkunjung ke Sunrise Beach.

Hasil tinjauan *Wilayahku* baru-baru ini mendapati lokasi tersebut meriah dengan pengunjung selain diwarnai dengan aktiviti meremis (siput), memancing ikan dan sebagainya yang dilakukan masyarakat setempat.



NUR FIRDAUS

MAKANAN TRADISIONAL, PERSEMBAHAN

HIDANGAN makanan tradisi masyarakat Labuan, Ambuyat Semangkuk Agung ternyata merupakan antara juadah yang menjadi pilihan ramai. Menariknya, ia dilengkapai ikan bakar dan pencecah yang begitu enak.

Bercerita lanjut mengenai cara masakan makanan tradisi tersebut, Firdaus berkata ia dimasak menggunakan kayu api bagi menambahkan rasa luar biasa masakan tersebut.

Selain Ambuyat Semangkuk Agung, terdapat pelbagai kuih-muih kering dan sayur-sayuran segar turut dijual kepada

pengunjung.

Sambil dihidangkan pelbagai juadah makanan tradisi, para pengunjung turut berpeluang menyaksikan persembahan tarian bermukun dipersembahkan oleh Kumpulan Mukun Anak Labuan (KUMALA) yang diadakan sebulan sekali.

Tarian bermukun merupakan salah satu tarian tradisi bagi etnik Kadayan. Dengan lengkap berpakaian tradisi kubamban menjadikan ia salah satu tarikan yang sukar didapati di tempat lain.

"Di samping menjana ekonomi penduduk kampung, aktiviti tarian ini dapat memartabatkan kebudayaan etnik Kadayan kepada masyarakat luar. Diharapkan tradisi ini tidak dilupakan masyarakat setempat sekali gus persembahan ini membuatkan masyarakat luar lebih mengenali etnik serta seni tarian unik ini," ujarnya. **W.K**



Tidak jejaskan mutu perkhidmatan cemerlang pengurusan bandar

Potongan 30 peratus cukai taksiran buat warga Putrajaya



SABRINA SABRE

KEPUTUSAN kerajaan memberikan potongan sebanyak 30 peratus daripada jumlah cukai taksiran yang dikenakan dapat mengurangkan beban kewangan ditanggung warga Putrajaya terutamanya penjawat awam.

Naib Presiden Kewangan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Suhaila Eleas** berkata tujuan pengurangan tersebut dilaksanakan adalah berdasarkan rungutan dan pandangan daripada penduduk di Putrajaya yang memaklumkan bahawa cukai taksiran dikenakan ke atas premis kediaman mereka agak tinggi berbanding kawasan sekitarnya.

"Pengurangan ini diberikan selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk mengurangkan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan M40 dan B40 yang memiliki kediaman mampu milik di Putrajaya.

"Ia diberikan kepada pemilik kediaman mampu milik berharga kurang RM300,000 yang siap bermula tahun 2017 dengan melibatkan sebanyak 8,573 unit kediaman mampu milik di Wilayah Persekutuan Putrajaya di mana secara keseluruhannya melibatkan sembilan Skim Perumahan Penjawat Awam



PIHAK PPj berharap insiatif yang dilaksanakan dapat menggalakkan pemegang harta di Putrajaya menjelaskan bayaran cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan selain dapat mengelakkan caj lewat bayar dan notis E dikenakan.

Malaysia (PPAM).

"Antaranya adalah PPAM Saderi (1,100 unit); PPAM Ketumbar (800 unit); PPAM Seruling (1,062 unit); PPAM Selasih (1,000 unit); PPAM Pudina (1,504 unit); PPAM Palma (262 unit); PPAM Melinjau (650 unit); PPAM Larai (1,679 unit) dan PPAM Jintan (516 unit)," jelasnya cukai taksiran di Putrajaya dikira berdasarkan kadar

peratusan yang diambil daripada nilai tahunan iaitu anggaran nilai sewa tahunan harta tanah.

Menurut Suhaila, cukai taksiran perlu dibayar bagi membolehkan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) seperti PPj untuk membayai perkhidmatan pembersihan kawasan (pungutan sampah, pembersihan jalan, parit dan pemotongan rumput);

pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, parit, longkang dan pengindahan bandar; penyediaan dan penyelenggaraan lampu jalan, pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti dewan orang ramai, tandas awam, pasar, padang permainan kanak-kanak, tempat rekreasi dan sebagainya serta menyediakan

perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam.

"Berikutnya pengurangan tersebut, meskipun terdapat pengurangan dalam hasil jualan cukai taksiran PPj iaitu sebanyak RM1,586,973.30. Namun, ia tidak akan menjejaskan mutu perkhidmatan cemerlang pengurusan bandar di Putrajaya di mana ia akan ditampung dengan sumber dana yang lain," ujarnya.

Selain itu, Suhaila berkata PPj turut melaksanakan beberapa inisiatif dan kempen lain dalam menggalakkan pengguna untuk membayar cukai taksiran mereka.

"Sebagai galakan, pihak PPj meneruskan pemberian barangan insentif kepada pembayar cukai yang melunaskan tanggungjawab mereka dalam tempoh ditetapkan.

"Sebagai contoh, bagi bil penggal pertama hendaklah dibuat bayaran selewat-lewatnya pada 28 Februari ini manakala bagi bil penggal kedua, bayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2023 untuk layak menerima barangan insentif.

"Di samping itu, kami juga mengambil inisiatif melalui pemberian hadiah cabutan bertuah mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan," ujarnya sebanyak 25 hadiah menarik terdiri daripada lima hadiah utama dan 20 hadiah saguhati antaranya adalah Motosikal Yamaha Y15ZR; Motosikal Yamaha 135 LC; iPhone 13 Pro Max; iPad Pro 11; 14-inch MacBook Pro dan banyak lagi menanti pengguna. **WK**

Bengkel Pecutan Akhir buat pelajar SPM bermula 7 Januari

DIANA AMIR

PERBADANAN Putrajaya (PPj) melalui Local Agenda 21 Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Pengetua Semenanjung Malaysia (Putrajaya) akan mengjururkan Bengkel Pecutan Akhir Skor A+ SPM @ Putrajaya.

Terdapat dua sesi yang akan dijalankan iaitu pada 7 Januari 2023 (Sabtu) di mana subjeknya adalah Sejarah dan Bahasa Melayu manakala 15 Januari 2023 (Ahad) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik bermula 7.30 pagi hingga 5.30 petang bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya.

Penyertaan tersebut dibuka kepada 30 orang anak-anak ahli Krisputra di tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan SPM pada Februari 2023 dan pendaftaran

boleh dibuat melalui laman web <https://forms.gle/c8SaV41MXBPbaqFp7>.

Bagi para pelajar dan ibu bapa yang ingin mengetahui berkenaan bengkel ini dengan lebih lanjut boleh hubungi talian **03-8887 7228** (Diana Abu Bakar) dan **03-8887 7293** (Md Naser Md Isa). **WK**



Atlet perlu *team bonding* sebagai sokongan

Azren impi beraksi di Eropah

SABRINA SABRE

DALAM mencipta sesbuah kejayaan, atlet bukan hanya perlu memberi perhatian terhadap isu teknikal semata-mata tetapi ia juga perlu disuntik dengan jalinan erat antara pemain melalui ‘team bonding’.

Dengan adanya masa berkualiti bersama, hubungan antara tim akan lebih mesra sekali gus mewujudkan keserasian yang membawa kepada semangat utuh dalam sesebuah pasukan.

Mengakui hal tersebut, atlet golf Wilayah Persekutuan, **Muhammad Azren Noor Azam**, 24, berkata bertitik-tolak daripada semangat berpasukan, maka lahirlah suasana kasih sayang yang pada akhirnya membawa kepada kejayaan.

“Sebagai contoh, hubungan



erat antara saya dan tim ketika Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 berjaya membawa kejayaan yang mana pasukan kami membawa pulang pingat perak biarpun pada mulanya peluang untuk berjaya agak tipis.

“Ketika itu, kami semua agak tertekak, jadi jalan akhir yang ada untuk menghilangkan kekusutan adalah dengan berkumpul pada malam final tersebut. Waktu itu kami memberi kata-kata sokongan kepada antara satu sama lain sehingga pada akhirnya kami sendiri tidak percaya mampu berjaya,” kongsinya kepada *Wilayahku*.

Bercita-cita untuk bermain di peringkat siri Jelajah Eropah, atlet muda ini giat menjalani latihan sepanjang minggu untuk menempatkan dirinya sebaris pemain profesional yang ada di Malaysia.

Pencapaian Muhammad Azren

2022 - SUKMA - Tempat kedua

2022 - Kedah Amatuer Open - Tempat ke-12

2022 - Professional Golf Malaysia (PGM) Kia Ch

dengan sukan popular yang lain.

“Bukan itu sahaja, dengan adanya kejohanan berprestij, maka pemain-pemain luar juga akan turut serta sekali gus membantu dalam menjayakan hasrat untuk melahirkan ramai lagi pemain yang cemerlang,” ujar pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Utara Malaysia (UUM) ini.

Menjadikan pemain golf dunia, Tiger Woods sebagai idola dalam sukan tersebut, anak jati Kedah ini turut memasang impian untuk berjaya seperti idolanya itu.

“Beliau merupakan pemain golf profesional yang berkebolehan tinggi selain sentiasa menunjukkan prestasi yang cemerlang pada setiap kali beraksi. Kejayaannya bukan sahaja menjadi pendorong kepada saya bahkan saya yakin kepada semua yang berminat dengan sukan ini,” ujar anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini. **WK**

AKSI
Azren
ketika
Match
Play IPT
2022.



SITI Shazwana (tiga dari kiri) raih johan dengan menerima pingat emas pada Kejuraan Silat Kebangsaan Ke-20 di Johor, baru-baru ini.

Dua atlet silat Labuan bakal sertai kem latihan negara

MESKIPUN kurang persediaan dan pendedahan luar namun pasukan silat Labuan berjaya membawa pulang dua pingat emas dan dua pingat gangsa sekali gus menempatkan Labuan di kedudukan ke lapan keseluruhan pada Kejuraan Silat Kebangsaan Ke-20 di Johor, baru-baru ini.

Menurut salah seorang jurulatih, **Hamidah Mulok**, pingat emas disumbangkan Siti Shazwana Ajak (kategori Putri D 60-65 kg); Nur Nabilla Hartono (kategori Putri H 80-85kg); manakala dua gangsa melalui Muhammad Akma Danish Mohd Amirul (kategori Putra U45 kg) serta Nurul Syazwani Matrudin dan Maria Zarika Kahar (kategori ganda Putri).

“Pesilat-pesilat Labuan menunjukkan prestasi yang cukup memberangsangkan walaupun kurang persiapan dan pendedahan luar selain pelaksanaan peraturan baru dalam silat yang mana jauh lebih agresif dan mencabar.

“Akan datang, pelbagai kejohanan dalam dan luar Labuan akan disertai bagi memastikan lebih banyak pendedahan diberikan kepada pesilat Labuan khususnya atlet-atlet yang berpotensi,” katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Tambahnya, pencapaian membanggakan itu membolehkan Siti Shazwana Ajak dan Nur Nabilla Hartono dipanggil ke dalam Kem Latihan Pusat Pasukan Silat Negara sekitar pertengahan Januari 2023 sebagai persiapan Skuad Elit Silat Negara menghadapi beberapa kejohanan besar antaranya Sukan SEA Kembanga 2023, Kejuraan Silat dunia Ke-20 Indonesia 2023 dan Asian Indoor Games Thailand 2023.

Terdahulu, Labuan mempertaruhkan sembilan orang pesilat yang diketuai oleh Pengurus Pasukan, Mahadi Harith; Jurulatih Tanding / Silat Olahraga, Abdullah Amir Abdul Rahman dan Jurulatih Silat Seni, Omar Tamam. **WK**

Pasukan Yauyau juarai Lawn Bowls Open Triples Labuan 2022

PASUKAN Yauyau dinobatkan juara Pertandingan Lawn Bowls Open Triples Labuan 2022 yang diadakan sempena Ambang Tahun Baharu 2023, baru-baru ini.

Pasukan yang dianggotai Nurul Husna Suraiya Yunus, Aqilah Syazwani Rosland dan Nur Aimileeya Ismail berjaya merangkul johan bagi kategori Cup selepas menewaskan Pasukan 2FR pada perlawanan akhir.

Pasukan itu sekali gus merangkul hadiah wang tunai berjumlah RM6,000 berserta medal dan sijil manakala naib johan berjaya membawa pulang wang tunai RM4,000, medal dan sijil.

Sementara tempat ketiga pula dimenangi Pasukan No Name dan Dragon Bowls yang menerima hadiah wang tunai RM2,000, medal dan sijil.

Terdahulu, sebanyak 39 pasukan dari dalam dan luar Labuan menyertai kejohanan tersebut yang berlangsung pada 28 Disember 2022 lalu.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman.

Hadir sama, Presiden Persatuan Lawn Bowls Labuan yang juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. **WK**



AHLI Parlimen Labuan, Datuk Suhaili (dua dari kanan) menyampaikan piala dan hadiah wang tunai kepada Pasukan Yauyau.



Azren impi
beraksidi
Eropah
►23

DBKL, SIRIM wujudkan sistem pengurusan kualiti (ISO)

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan pertemuan bersama SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM Berhad) bagi mengekang aktiviti rasuah dan salah guna kuasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata pertemuan itu bertujuan untuk mendapatkan bantuan bagi mewujudkan sistem pengurusan kualiti (ISO) bertujuan mengekang aktiviti rasuah dan salah guna kuasa serta mendapatkan akreditasi.

"Kami memandang serius berhubung isu integriti melibatkan anggotanya dan tindakan akan dikenakan jika didapati bersalah.

"Pertemuan dengan SIRIM bertujuan mengadakan ISO bagi tujuan menangani masalah rasuah dan ia menunjukkan kesungguhan kita dalam aspek menjaga integriti pentadbiran ini," katanya.

Tambahnya, pertemuan yang akan diadakan minggu ini bertujuan menggariskan keperluan dan memberi panduan kepada DBKL dalam mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap aktiviti penyogokan atau rasuah di dalam organisasi.

"Di Kuala Lumpur ini, kita terdedah dengan pelbagai cabaran antaranya ramai orang nak bermiaga tetapi tiada



MAHADI



KEPAKARAN SIRIM dalam mewujudkan ISO dapat membantu DBKL mengekang aktiviti rasuah dan salah guna kuasa sekali gus memberikan akreditasi terhadap pentadbir bandar raya itu.

tempat yang sempurna seperti di celah-celah kawasan dan cabarannya adalah dari segi tindakan penguatkuasaan.

"Tambah lagi ada elemen lain bukan budaya, jadi perkara itu kita tidak mahu berlaku. Arahan saya sudah keluarkan untuk kaji semula susunan pekerja, penempatan pegawai dan beberapa sistem lain diteliti semula supaya kita dapat tutup perkara seperti ini," katanya.

Terdahulu, media melaporkan terdapat beberapa pegawai DBKL didakwa menerima rasuah serta membuli

peniaga yang menjual limau mandarin di Taman Usahawan Kuchai di Kuchai Lama kerana didapati melanggar garis panduan pelesenan.

Menurut laporan itu lagi, peniaga terbabit mendakwa telah dipersekutuan oleh pegawai Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan meminta suapan RM1,000 jika tidak mahu diganggu sekali gus menyebabkan dia terpaksa menjual limau mandarin itu pada harga RM52 bagi 20 biji.

Bagaimanapun, pegawai kanan DBKL yang dihubungi memaklumkan perkara itu sedang disiasat dan pegawai yang terlibat juga sudah dipanggil untuk memberi keterangan. WK

Masjid Tour sebar asas rukun ajaran Islam

SABRINA SABRE

PIHAK pengurusan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur menganjurkan Program Masjid Tour bagi mempromosikan fungsi dan peranannya sebagai masjid pelancongan di ibu kota.

Program sempena sambutan tahun baharu itu adalah bagi menyebarkan konsep cinta (Al-Hub), kasih sayang serta perpaduan dan keharmonian yang menjadi asas kerukunan dalam ajaran Islam.

Menurut Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), matlamat utama program tersebut adalah untuk menyantuni para pelancong dari dalam dan luar negara dengan pelbagai aktiviti



ANTARA pelancong dari luar negara yang menyertai Program Masjid Tour bagi tahun 2023.

menarik dengan dibantu oleh 15 orang pemandu pelancong dari Islamic Outreach ABIM Centre dan 50 orang

sukarelawan dari Fakulti Pelancongan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

"Para pelancong

didedahkan dengan pengenalan asas Islam dan kefungsian masjid, sejarah Kuala Lumpur dan masjid tertua di Kuala Lumpur serta disajikan dengan kuih-muih tradisional Melayu.

"Mereka juga berkesempatan menyertai aktiviti permainan sunah dan tradisional seperti memanah, menangkap ikan, boling tin, bola sepak, bola beracun, tiup belon dan pelbagai lagi," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Terdahulu, seramai 601 orang pelancong terdiri daripada warga negara Indonesia, Australia, Taiwan, Perancis, India, China, Denmark, Rusia, United Kingdom dan banyak lagi telah menyertai program tersebut. WK

Fatin Afeefa kahwin bukan sebab harta

DEEL ANJER

JAWAPAN yang ditunggu-tunggu akhirnya terjawab apabila pelakon Fatin Afeefa menjelaskan perkahwinannya dengan Aliff Awang atau Opai bukanlah disebabkan harta.

Ini berikut tularnya video jutawan saham muda, Aliff menyahut cabaran netizen untuk bertanya sendiri kepada isteri alasan mengahwininya.

Aliff menerusi hantaran video di Instagram memberitahu, seorang lelaki beranggapan perkahwinan mereka adalah disebabkan harta.

"Ada seorang mamat ni cakap, Fatin kahwin sebab aku naik kereta mahal. Kau nak sangat kan? Kau cabar aku kan? Aku panggil bini aku, kita tanya kenapa dia nak kahwin dengan aku," katanya menerusi rakaman video tersebut.

Dia kemudian memanggil Fatin dan bertanyakan tentang hal tersebut.

Fatin kemudian menjawab dan mengakui Aliff bukanlah satu-satunya lelaki kaya yang pernah melamarnya.

"Saya nak awak tahu satu benda, awak bukanlah satu-satunya lelaki kaya yang cuba melamar saya, tetapi awaklah yang paling kacak."

"Saya kahwin dengan awak sebab awak 'handsome' dan comel. Pejam mata pun saya dapat lihat kekacakan awak tu. Kaya tu nomor dua," jawab Fatin yang turut berkongsi video yang sama di Instagram miliknya.

Fatin Afeefa selamat bergelar isteri kepada Aliff Awang pada 30 Disember 2022 dengan sekali lafadz dalam majlis yang diadakan secara tertutup di Putra Glass Hall, Subang Jaya, Selangor.

Untuk rekod, Fatin pernah berkahwin dengan pelakon Adam Shahz pada 21 Disember 2013 namun bercerai empat tahun selepas itu. WK

